

**Jilid II  
Bil. 11**



**Hari Selasa  
1hb April, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT  
HOUSE OF REPRESENTATIVES**

**PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA  
*Second Session***

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1349]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYU-  
ARAT 18:**

**Kenyataan Timbalan Perdana Menteri mengenai Hukuman Mati  
[Ruangan 1400]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan) [Ruangan 1404]**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan)  
[Ruangan 1406]**

**Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan  
1443]**

**Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan)  
[Ruangan 1451]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Perusahaan Awam, DATO’ ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).

” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).

” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO’ CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO’ MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).

” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO’ HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).

” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).

” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching)

” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).

” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO’ SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO’ ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).

” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N. A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).

” DR CHEN MAN HIN (Seremban).

” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).

” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

” TUAN V. DAVID (Damansara).

” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).

” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

” TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).

” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).

” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).

” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

” TUAN MARK KODING (Kinabalu).

” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

- Yang Berhormat TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).**
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 1hb April, 1980
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**PENGANGKUTAN BALAK DI PANTAI  
TIMUR—PENYELEWENGAN**

**1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa penyelewengan dan ketidakadilan serta penyalahgunaan kuasa telah berlaku dalam pembahagian gerabak (wagon) mengangkut balak di Pantai Timor Semenanjung Malaysia menyebabkan agen-agen dan syarikat tertentu mendapat lebih banyak gerabak daripada pembalok yang mempunyai kawasan dan siding, akibatnya bertimbun-timbun dan berbulan-bulan kayu balak tersadai, tidak dapat dikeluarkan. Jika sedar perkara ini berlaku apakah langkah-langkah yang dijalankan supaya perkara tersebut tidak akan berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan kegiatan perindustrian kayu kayan yang pesat, banyak agen-agen atau orang-orang tengah telah berkecimpung dalam pembelian, pengedaran dan penjualan kayu-kayu balak khasnya di Pantai Timur, peranan agen-agen ini adalah untuk membeli kayu balak daripada pembalok-pembalok yang mempunyai kawasan dan siding, mengaturkan pengangkutan dan menjual kayu-kayu balak tersebut kepada pengguna, iaitu kilang papan dan kilang-kilang kayu lapis.

Dalam suasana di mana terlalu banyak pembalok-pembalok agen-agen dan pengguna-pengguna memohon gerabak-gerabak kayu balak hingga mendatangkan situasi "demand exceeds supply" dan telah membawa kepada tuduhan-tuduhan penyelewengan, ketidakadilan serta penyalahgunaan kuasa dalam pembahagian gerabak-gerabak kayu balak. Tuduhan-tuduhan ini adalah semata-mata datangnya daripada perasaan tidak puas hati kerana pihak Pentadbiran Keretapi tidak dapat menemui kehendak-kehendak pembalok-pembalok, agen-agen dan pengguna-pengguna dengan sepenuhnya.

Untuk mengatasi masalah ini, Pentadbiran Keretapi telah mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pembalok-pembalok Ulu Kelantan dan juga Persatuan Pekilang Kayu Lapis dan telah membuat keputusan bahawa pembekalan gerabak-gerabak kepada agen-agen dan orang tengah dihentikan dan keutamaan pembekalan gerabak-gerabak diberi kepada pembalok-pembalok yang mempunyai kawasan dan siding serta pengguna-pengguna yang mempunyai kilang-kilang kayu dan kayu lapis.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan wujudnya agen-agen ataupun orang tengah dalam perusahaan kayu balak ini adakah mendatangkan kesusahan kepada pihak yang mempunyai kawasan dan juga pihak pengilang untuk mengangkut sendiri kayu-kayu balak itu daripada pendalaman. Jadi, saya ingin tahu berapa ramaikah agen-agen pengangkut ini ataupun orang tengah yang ada menjalankan kegiatan sekarang dan apakah Kerajaan ber-cadang untuk menghapuskan agen-agen seperti ini supaya dapat pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan sendiri kayu balak tersebut.

**Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui oleh Keretapi Tanah Melayu kira-kira terdapat lebih kurang 100 syarikat-syarikat ataupun orang-orang perseorangan yang menjadi orang tengah bagi membeli dan menjual kayu-kayu balak dari Ulu Kelantan itu. Tetapi walau bagaimanapun, yang direkodkan oleh Keretapi Tanah Melayu adalah sebanyak 83 buah.

Dalam masalah ini Keretapi Tanah Melayu tidaklah boleh diletakkan sepenuhnya kesalahan kerana ini bergantung juga kepada pihak pembalak-pembalak sendiri dan pengilang-pengilang yang biasa menggunakan orang-orang tengah itu.

Tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi bahawa pihak Keretapi Tanah Melayu telahpun mengambil keputusan bahawa pemberian gerabak-gerabak keretapi bagi mengangkut kayu balak ini daripada Ulu Kelantan dan keluar daripada daerah Ulu Kelantan hanya akan diutamakan kepada pembalak-pembalak dan juga pengilang-pengilang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada lagi?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya satu lagi soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebagaimana yang saya ketahui bahawa banyak kepala keretapi yang digunakan untuk mengangkut kayu balak ini daripada jenis yang lama, yang buruk yang diperuntukkan untuk mengangkut kayu-kayu balak ini menyebabkan tidak dapat melaksanakan pengangkutan dengan sempurna dan kadangkang selalu menimbulkan kerosakan apabila masa untuk mengangkat kayu itu tiba hendak dijalkan.

**Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui kenyataan Yang Berhormat itu bahawa inilah juga salah satu masalah yang menyebabkan kelemahan dalam pengangkutan kayu-kayu balak daripada Pantai Timur terutama sekali dari Ulu Kelantan kerana sebenarnya pihak Keretapi Tanah Melayu tidak mempunyai cukup kepala-kepala keretapi (locomotives) dan yang

ada ini pun adalah kepala-kepala keretapi yang lama. Dalam pada itu, pihak Keretapi Tanah Melayu sedang menjalankan urusan untuk membeli kira-kira 20 buah kepala-kepala keretapi yang baru maka diharapkan setelah tiba kepala-kepala keretapi itu maka tambahan kepala-kepala keretapi bagi pengangkutan kayu-kayu balak ini dapat diusahakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

## BELIA-BELIA MENGANGGUR

**2. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa kadar tinggi pengangguran di kalangan belia adalah faktor utama menyebabkan jenayah dalam negara kita dan apa langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan pekerjaan untuk mereka.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sedar bahawa pengangguran di kalangan belia adalah menjadi satu masalah dan ini mungkin menjadi salah satu faktor yang menyebabkan jenayah dalam negara kita. Akan tetapi, buktinya tidaklah begitu jelas, Kerajaan telah berusaha dengan sedaya-upaya untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia dan bolehlah dikatakan bahawa kejayaan yang pesat telahpun mula diperolehi. Kadar pengangguran pada amnya telah juga dapat dikurangkan.

Sebagaimana termaklum, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan baik di bandar ataupun di luar bandar untuk mengurangkan pengangguran, khususnya pengangguran di kalangan belia-belia di negara kita. Beberapa rancangan untuk membekalkan kemahiran tertentu di kalangan mereka adalah aspek-aspek yang juga penting dalam usaha ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat memberitahu Dewan ini berapa bilangan penganggur yang ada sekarang.

Yang kedua, dalam usaha untuk mengatasi masalah pengangguran sama ada Kerajaan mempunyai agensi penyatuan (integrated agency) yang bertujuan untuk menyerahkan usaha-usaha daripada tiap-tiap Kementerian dengan tujuan untuk mencari satu jalan yang positif untuk mengatasi masalah pengangguran.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat mengenai jumlah pengangguran tetapi peratusnya saya dapat memberikan di sini. Bahawa pada amnya pengangguran di kalangan rakyat adalah lebih kurang 6.2% seperti dijelaskan dalam Mid-Term Review Third Malaysia Plan yang dibentangkan di Dewan ini dan di kalangan belia lebih kurang 15%.

Soalan kedua, mengenai adakah satu badan atau jabatan yang menyelaraskan kegiatan untuk mewujudkan pekerjaan atau mengurangkan pengangguran, jawapannya adalah, ya. Baharu-baharu ini sudahpun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri satu Majlis untuk menyelaraskan segala tindakan-tindakan khasnya untuk latihan di kalangan pemuda-pemudi dan Majlis ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan usaha-usaha untuk mengurangkan pengangguran yang menurut beliau satu daripada cara-cara untuk mengelakkan berlakunya jenayah. Saya ingin bertanya kepada beliau, yang pertama apakah jenayah itu hanya dilakukan oleh belia-belia yang menganggur sahaja atau belia-belia yang bekerja juga melakukan jenayah, seumpama, jenayah belia-belia yang bekerja menyertai tindakan pemogokan yang tidak bertanggungjawab, membiarkan diri daripada terlibat dengan kerja-kerja untuk menghina-nakan negara seperti merosakkan ekonomi negara yang merupakan jenayah yang besar di negara ini. Dan saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan Kerajaan untuk mengelak-

kan belia-belia yang bekerja ini lebih rela meminta orang-orang lain atau orang luar menyelesaikan masalah negara serta menghina akan kebolehan dan kemampuan kita menyelesaikan masalah kita sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan untuk mendapat sesuatu pendapat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dilarang oleh Peraturan Mesyuarat tetapi sebahagian daripada pertanyaan tadi kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab bolehlah.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa pengangguran adalah sebabnya yang penting atau sebab yang tunggal untuk jenayah dalam negara kita. Apa yang saya katakan ada kemungkinan tetapi buktinya tidaklah begitu jelas. Memanglah kita dapat menerima hujah bahawa ada juga pihak-pihak yang sedang dalam pekerjaan yang juga melakukan tindakan-tindakan jenayah di bawah undang-undang negara kita.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pengangguran banyak sekali berlaku di kalangan belia-belia yang tinggal di kawasan pendalaman di luar bandar. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah dayausaha yang lebih telah di jalankan oleh Kementerian ini untuk mendaftar mereka yang menganggur supaya dapat dicari pekerjaan oleh Jabatan Buruh.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, hubungan di antara dua aspek soalan itu saya memang tidak dapat menerima, tetapi saya dapat mengatakan di sini bahawa Pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya yang terletak lebih kurang di semua negeri sedang menjalankan kegiatan mobile registration service kepada kawasan yang tidak begitu besar atau pendalaman dan usaha-usaha sedang diambil untuk menjamin bahawa pihak pemuda-pemuda di kawasan-kawasan seperti itu juga dapat peluang yang sama untuk dapat pekerjaan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa ada langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi

masalah pengangguran di kalangan belia di negara ini. Saya ingin tahu salah satu daripada langkah untuk mengatasi pengangguran itu adalah mempelawa kapitalis membuka kilang di negara ini dan membayar gaji yang murah kepada mereka dengan tujuan hanya untuk memberi kerja.

Yang kedua, sama ada kegagalan untuk mendapatkan gaji yang berpatutan bagi pekerja-pekerja ini maka timbullah masalah belia-belia kita dari negara ini berhijrah ke negara-negara lain dengan tujuan untuk mencari pekerjaan di negara itu kerana dapat gaji yang lebih daripada sini.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ini tidak ada halangan jika kapitalis seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi juga dapat melaburkan wang dalam ekonomi negara kita dan melalui itu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di negara kita. Kerajaan tidak bertujuan untuk menentukan bahawa pihak-pihak seperti itu juga tidak menjadi kapitalis untuk memodalkan dalam negara kita ini.

Mengenai perkara penghijrahan pemuda-pemudi dari negara kita ke negara yang lain, negara kita, walaupun Yang Berhormat itu tidak menerima fact ini, adalah bebas dan rakyat negara kita dapat pergi ke mana-mana untuk mencari nafkah mereka yang difikirkan lebih baik atau lain-lain. Tetapi saya dapat mengatakan bahawa 99% atau lebih daripada 99.9% pemuda-pemudi negara kita sedang mencari pekerjaan di sini dan sedang diberi peluang yang baik dalam negara kita ini.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Kementerian ini mempunyai perangkaan-perangkaan yang menunjukkan terdapat juga kerja-kerja tidak dapat diisi atau dipenuhi oleh kerana pihak-pihak tertentu tidak mahu menerima pekerja-pekerja itu. Misalnya, di kalangan penoreh getah terdapat masalah tidak dapat pekerja yang mencukupi untuk berusaha dalam kegiatan itu.

**Datuk K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya berani mengatakan bahawa jika pemuda-pemudi di negara kita sanggup menerima peluang-peluang pekerjaan yang ada di mana-mana pun, tidak payahlah kita pada petang ini membahaskan perkara

pengangguran. Peluang-peluang pekerjaan di kawasan-kawasan ladang, usaha-usaha pembinaan dan lain-lain adalah banyak dan satu daripada masalah yang Kerajaan menghadapi ialah "choosiness" atau sikap memilih di kalangan pemuda-pemudi di negara kita terhadap pekerjaan-pekerjaan yang sedia ada. Kita haraplah dengan peredaran masa mereka sanggup menerima pekerjaan-pekerjaan yang pada masa ini difikirkan tidak begitu wajar bagi mereka.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahawasanya bukan kerja tak ada dalam negara ini, kerja banyak tetapi jenis pekerjaannya itu dipilih-pilih oleh orang yang hendak bekerja. Dalam perkara ini saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak masalah yang besar dihadapi oleh orang ramai pada hari ini terutama sekali orang yang makan gaji ialah susah hendak mencari penolong-penolong suri rumahtangga yang boleh bekerja di rumah menolong termasuklah bapa-bapa Menteri kita, Timbalan Menteri dan sebagainya. Dalam perkara ini tidakkah Kementerian bercadang mengadakan satu syarat-syarat perkhidmatan (scheme of service) untuk menolong suri rumahtangga ini supaya ramai orang-orang yang berminat untuk hendak bekerja dalam bandar boleh dia bekerja dengan ada mempunyai masa hadapan yang ada satu sistem scheme of service yang terjamin. Adakah tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah melencong jauh daripada soalan asal—tidak boleh!

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kadar pengangguran yang tinggi pada masa ini yang sepatutnya boleh kita kurangkan. Salah satu sebab yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah pertikaian di antara pekerja-pekerja MAS dengan pihak MAS yang mana pihak ITF campurtangan dan juga dengan adanya sumbangan yang negatif daripada pihak-pihak Pembangkang, termasuk juga daripada pihak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu. Adakah sebab-sebab ini menyebabkan kadar pengangguran itu tinggi sebagaimana hari ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lencongan ini semakin jauh lagi (*Ketawa*). Tidak payah, tidak perlu dijawab.

### CUKAI GETAH

**3. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah cadangan daripada Kementerian ini bagi meminda cukai getah yang berasaskan kepada harga getah gred satu seperti hari ini kepada harga purata semua gred getah supaya pekebun-pekebun kecil getah dapat menikmati harga yang lebih tinggi dan juga tidak menimbulkan kesulitan kepada pembeli-pembeli getah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mengenakan cukai getah berasaskan harga purata semua gred getah dan tidak hanya harga getah gred satu telahpun dikaji. Adalah didapati bahawa cadangan tersebut sukar dilaksanakan buat masa ini. Penggunaan harga getah gred satu ini sebagai asas duti mungkin juga dapat mendorong pekebun-pekebun kecil getah terus berusaha meninggikan mutu getah pengeluaran mereka. Sebenarnya Kerajaan sendiri telah mengadakan rancangan bagi membantu pekebun-pekebun kecil di dalam usaha memperbaiki mutu getah mereka.

Buat masa ini terdapat beberapa masalah dan kepincangan dalam sistem pemasaran dan penjualan getah yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil. Kos pengeluaran yang tinggi juga memberi kesan kepada pendapatan mereka, dan ini mempengaruhi juga kebolehan mereka mengeluarkan getah yang bermutu tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini. Sebagai yang Ahli Yang Berhormat maklum, duti eksport atas getah telahpun dikurangkan semasa Belanjawan 1980 yang lalu dengan memperkenalkan struktur duti berdasarkan konsep "cost-plus" dan ini diharapkan dapat memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha-pengusaha getah terutamanya pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, saya ada tertangkap satu perkataan mengenai struktur cukai yang berasaskan katanya ialah berasaskan kepada konsep "cost-plus". Saya hendak bertanya apakah maknanya konsep "cost-plus" ini dan apakah isi kandungannya?

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, duti struktur yang baru adalah bergantung dalam Ucapan Belanjawan 1980. Walau bagaimanapun untuk maklumat Ahli Yang Berhormat duti baru seperti berikut:

atas 60 sen sepaun yang pertama	tiada duti ... .. —
atas 5 sen sepaun berikutnya yang pertama	... .. 20%
atas 5 sen sepaun berikutnya yang kedua	... .. 25%
atas 5 sen sepaun berikutnya yang ketiga	... .. 30%
atas 5 sen sepaun berikutnya yang keempat	... .. 35%
atas 5 sen sepaun berikutnya yang kelima	... .. 40%
atas 5 sen sepaun berikutnya yang keenam	... .. 45%
atas selebih-lebihnya	... .. 50%

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menurut jawapannya sistem baru ini adakah beliau sedar harga pasaran getah RSS 1 dan RSS 5 difference harganya sangat besar. Jikalau ikut sistem yang dijalankan masa ini pekebun-pekebun kecil ini yang keluaran RSS 3 atau 4 atau 5 harga yang rendah tetapi kena bayar cukai ikut RSS 1, ini tidak adil. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan apakah tindakan boleh diambil dalam perkara ini?

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan perusahaan getah dan negara, saya tidak dapat kemukakan sistem yang digunakan bagi menentukan harga getah yang diwartakan. Walau bagaimanapun, suka saya memberi jaminan bahawa cara yang digunakan adalah adil dan saksama dari segi kepentingan perusahaan getah dan ekonomi negara.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada benar ataupun tidak kenyataan yang mengatakan bahawa struktur cukai dan duti eksport yang dikenakan sekarang ini kepada

industri getah masih lagi lebih membebankan kepada pekebun-pekebun kecil dan lebih memberi keuntungan kepada industri-industri getah yang lebih besar. Jika benar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengkaji semula secara keseluruhannya sistem percukaian tersebut supaya pekebun-pekebun kecil yang memberi sumbangan tidak kurang daripada 60% daripada hasil pengeluaran getah negara itu mendapat faedah yang lebih seimbang dengan peranan mereka?

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk keterangan-keterangan bagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat saya akan rujuk kepada Menteri dan pihak yang berkenaan. Bagi pihak Kementerian Kewangan saya hanya dapat memberi keterangan-keterangan dari segi struktur duti dan implikasi kewangannya. Setakat ini saya tidak bercadang untuk memberi kenyataan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, saya ada sedikit keliru dan minta soalan tambahan. Tadi nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya mengenai apakah ertinya konsep "cost-plus" dan apakah isi kandungannya konsep itu untuk dijadikan sebagai asas mengadakan struktur cukai itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini bagaimana sistem atau struktur cukai ini boleh menguntungkan melebihi 51% pekebun-pekebun kecil ini yang ada di Malaysia hari ini kerana nampaknya sistem yang ada ini sangat-sangat merugikan mereka, bukan menguntungkan mereka kerana jauh bezanya. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kluang ada menyatakan harga di antara RSS. 1 dan RSS 3, 4 atau 5 sangat jauh perbezaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal bahagian yang pertama saya percaya sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bahagian kedua itu sila Yang Berhormat.

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan ini, saya telah jawab tadi. Saya tidak dapat kemukakan sistem yang digunakan bagi menentukan harga getah yang diwartakan.

## PROJEK GAS CECAIR BINTULU

4. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah asas yang telah diambil dan dilaksanakan setakat ini sebagai langkah persediaan pelancaran projek Gas Cecair Asli Bintulu dan adakah Kerajaan bersikap positif bahawa projek Bintulu ini akan mampu mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Malaysia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah persediaan yang telah diambil untuk melaksanakan projek gas cecair Bintulu, adalah seperti berikut:

- (i) Satu perjanjian usahasama telah ditandatangani di antara Petronas, Shell dan Mitsubishi pada 31hb Mac, 1978.
- (ii) Kerja-kerja pembinaan tapak dan pembangunan loji sedang dijalankan.
- (iii) Dari segi pemasaran, Syarikat Malaysia Liquefied Natural Gas telah menandatangani dokumen "Confirmation of intent" bagi penjualan dan pembelian gas cecair asli (LNG) dengan Syarikat-syarikat Tokyo Gas dan Tokyo Electric.
- (iv) Penyediaan peraturan-peraturan kewangan (the financial package) untuk membiayai projek ini hampir selesai. Persetujuan bagi pinjaman perkongsian (syndicated loan sebanyak \$550 juta telah ditandatangani pada 15hb Januari, 1980 di antara Syarikat Malaysia Liquefied Natural Gas dan 62 buah bank-bank antarabangsa yang utama.
- (v) Penyediaan peraturan perkapalan di antara Syarikat Malaysia Liquefied Natural Gas (MLNG) dengan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) sedang diuruskan.
- (vi) Jeti LNG di Pelabuhan Bintulu sedang dalam pembinaan dan ianya dijangka siap dalam jangkamasa yang ditetapkan untuk mengeksport LNG ke negara Jepun.
- (vii) Syarikat Sarawak Shell Berhad, yang bertanggungjawab membawa gas asli dari kawasan-kawasan gas Central Luconia ke Loji LNG di Bintulu sedang membuat segala persediaan yang perlu untuk menentukan projek tersebut dapat siap diuruskan pada awal tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah yakin bahawa projek ini akan mencapai matlamatnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ampong Puyon.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 5.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

### HARTA UDA DAN MARA

**5. Tuan Ismail bin Said** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah harta UDA dan MARA yang terkumpul sekarang sejauh manakah kejayaan UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Negeri mencapai matlamat masing-masing dalam membantu kaum Bumiputra; nyatakan secara positif bilakah syarikat-syarikat agensi berkenaan yang telah berjaya hendak diserahkan kepada Bumiputra.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, harta yang terkumpul bagi UDA sekarang adalah meliputi rumah-rumah kedai dan ruangniaga yang kesemuanya bernilai \$260 juta. Bagi MARA jumlah harta yang terkumpul hingga 31hb Disember, 1978 adalah berjumlah \$427 juta yang meliputi harta bersih semasa, pelaburan pinjaman dan harta tetap.

MARA, UDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mempunyai peranan masing-masing untuk membantu kaum bumiputra dalam bidang ekonomi. MARA misalnya telah berjaya mengadakan langkah menerusi biasiswa dan pinjaman pelajaran, mengadakan institusi-institusi pelajaran dan melahirkan usahawan dengan jalan menyediakan latihan, modal, ruangniaga, bimbingan-bimbingan dan khidmat nasihat serta susulan.

UDA pula telah dapat menambah hak milik harta bumiputra serta membantu usahawan-usahawan bumiputra di bandar-bandar dengan menyediakan ruang-ruang niaga dan bantuan kewangan serta memajukan harta-harta bumiputra di bandar-bandar.

Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri terlibat di dalam pembangunan asas untuk pembangunan industri dalam negeri masing-masing dan pelaburan di dalam perindustrian dan perniagaan. Di dalam usaha ini Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri memegang ekuiti sebagai amanah untuk bumiputra di samping melatih kaum bumiputra dalam pengurusan dan membanyakkan peluang pekerjaan.

Selain daripada itu, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri juga menyediakan rumah-rumah kediaman dan rumah-rumah kedai yang sebahagian besarnya diuntukkan kepada bumiputra. Syarikat-syarikat yang ditaja oleh agensi-agensi Kerajaan sebagai pemegang amanah akan diserahkan kepada bumiputra mulai tahun depan. Cara penyerahan itu sedang disusun dan akan diumumkan apabila sampai masanya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada benar bahawa UDA telah menjalankan satu kajian semula tentang aktiviti-aktivitinya, dan jika ini benar, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan ini apakah yang telah dicapai akibat kajian semula itu.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Kajian memang sentiasa dibuat dari satu masa ke satu masa untuk melicinkan lagi pentadbirannya, tambah-tambah lagi sekarang ini di mana kita sedang merancang Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh. Tidak hadir

(*Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh tidak hadir.*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmood.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

### KEBUDAYAAN MELAYU— PENYELIDIKAN

**7. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan

adakah beliau bercadang untuk menjalankan penyelidikan mengenai bahan-bahan kebudayaan Melayu yang terdapat di beberapa buah negara lain. Jika ya, bila dan kalau tidak kenapa.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Chin Hon Ngian):** Tuan Speaker, Kementerian saya adalah sedang membuat kajian dan bercadang untuk membuat lawatan ke beberapa buah negara yang diketahui ada menyimpan bahan-bahan kebudayaan Melayu ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri buat masa ini berapa buah negarakah yang telah dijalankan bagi mendapat bahan-bahan yang disebutkan tadi bagi kebudayaan Melayu.

**Tuan Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, negara-negara itu termasuklah negara Indonesia, Thailand, Filipina, Madagascar, Vietnam dan Kampuchea.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini latar belakang dan sebab musabab Kerajaan menjalankan penyelidikan mengenai bahan-bahan kebudayaan Melayu yang terdapat di beberapa buah negara sepertimana yang diumumkan tadi?

**Tuan Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, ini adalah untuk development kebudayaan Melayu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kalau itu adalah untuk kepentingan (development) kebudayaan Melayu, apa sebab negara Holland tidak dijadikan sebagai sebuah negara yang ada menyimpan kebudayaan yang sangat terkaya khususnya Kebudayaan Melayu?

**Tuan Chin Hon Ngian:** Tuan Speaker, Holland akan ditimbangkan sebagai satu negara yang kita akan melawat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah timbang atau akan ditimbang?

**Tuan Chin Hon Ngian:** Akan ditimbang.

## DOKUMEN TENDER JKR DALAM BAHASA MALAYSIA

**8. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa

Spesifikasi-spesifikasi projek dan dokumen tender JKR masih lagi ditulis dalam Bahasa Inggeris. Jika sedar, adakah beliau bercadang mengambil apa-apa langkah untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, jika tidak mengapa.

**Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tindakan-tindakan tertentu telah diambil untuk menterjemahkan surat-suratan kontrak tertentu ke dalam Bahasa Malaysia. Umpamanya syarat-syarat kontrak iaitu conditions of contract telahpun diterjemahkan dan diluluskan. Walau bagaimanapun oleh kerana kajian semula sedang dibuat ke atas syarat-syarat kontrak, penggunaannya terpaksa menunggu sehingga kajian semula disiapkan.

Selain dari itu, senarai kadar-kadar harga bagi kerja-kerja kecil dan pembaikan (repair) telah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Pada masa sekarang Bahasa Malaysia juga telah digunakan bagi dokumen-dokumen tawaran. Memang benar spesifikasi-spesifikasi kontrak masih menggunakan bahasa Inggeris. Ini adalah disebabkan spesifikasi kontrak merupakan bidang yang lebih sukar oleh kerana terdapat banyak istilah kejuruteraan yang belum ada terjemahannya dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun penterjemahan sedang diusahakan sungguhpun masa yang panjang diperlukan. Dalam usaha ini kerjasama dari pakar-pakar dari institusi-institusi pelajaran tinggi adalah juga diperlukan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang hendak menterjemahkan naskah-naskah dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri itu memberi jaminan di dalam Dewan ini bahawa sebaik-baik sahaja terjemahan disiapkan nanti, performance oleh Jabatan Kerjaya akan bertambah meningkat dan tidak seperti yang dikatakan sekarang bila sebut JKR orang kata "Jangan Kerja Rajin".

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan JKR itu bukanlah "Jangan Kerja Rajin" tetapi JKR bermakna Jabatan Kerja Raya dan juga kita kerja jasa baik untuk rakyat. Di dalam implikasi ini, Tuan Yang

di-Pertua, Kementerian saya ialah satu Kementerian yang menjadi satu agensi untuk menjalankan projek-projek Kerajaan untuk menggunakan Bahasa Malaysia, kita telah mengambil semua tindakan yang kita boleh buat tetapi penterjemahan dan kerja-kerja itu ialah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Apabila kita terima istilah-istilah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka maka serta merta kita tukar; sebelum kita terima istilah itu, kita tidak boleh tukar, sebab kita menggunakan banyak wang dalam Kerajaan iaitu melalui Jabatan Kerja Raya dan juga Kementerian saya kontrek-kontrek dan lain-lain kita mesti jaga yang mana kita tidak ada litigation, apabila kita gunakan kontrek itu. Sebab itu sahajalah kita lewat. Saya boleh memberi satu akuan kepada Ahli Yang Berhormat ini, Kementerian saya telah mengambil semua tindakan, jika Ahli Yang Berhormat tidak sedar atas tindakan itu bolehlah laporkan kepada saya dan kita akan ambil tindakan lagi.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri mungkin naik marah oleh kerana dikatakan JKR "Jangan Kerja Rajin".

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak nampak dia marah, cuma naik semangat. (*Ketawa*)

**Tuan P. Patto:** Garang sedikit. Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri seolah-olah menyalahkan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan mengatakan selagi pihak JKR tidak menerima terjemahan, istilah-istilah teknikal yang melibatkan JKR dan kerja-kerja JKR maka JKR tidak boleh berbuat apa-apa terjemahan dalam bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Saya ingin tahu sama ada pihak JKR telah mengemukakan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang tidak dapat diterjemahkan sehingga sekarang supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil usaha untuk menterjemahkan. Yang kedua, sama ada beliau sedar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka pernah mengeluarkan satu Buku Istilah mengandungi technical terms. Adakah sedar atau tidak, kalau belum, adakah beliau bercadang hendak beli dan tengok?

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apa-apa perkara yang Ahli Yang Berhormat itu sedar, saya mesti sedar lebih daripada Ahli Yang Berhormat itu, sebab saya ada lebih tanggungjawab kepada Kerajaan dan rakyat. Dengan itu saya suka memberi sedikit

penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, apa saya kata tadi iaitu terjemahan-terjemahan dan juga istilah-istilah dalam Bahasa Kebangsaan ialah kita akan menjaga, sebab ada juga proses-proses litigation, sebab itu kita ada siasat, dalam siasatan dari masa ke semasa kita ada juga buat kerja itu. Saya suka syorkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita ada buat, kita ada jalankan perkara ini sekarang dan tidak lama lagi kita akan tukar semua istilah dalam dokumen-dokumen yang ada dalam bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menerangkan tentang performance Kementerian beliau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payahlah selalu sangat beri terima kasih.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Jadi saya ingin bertanya kepada beliau, kalau sekarang tanpa istilah terjemahan yang ada JKR menurut beliau telah membuat kerja-kerja untuk rakyat, bolehkah beliau memberi jaminan apabila terjemahan siap kelak bahawa performance yang dibuat oleh Kementerian beliau adalah lebih daripada saat istilah-istilah dalam Kementerian itu dalam bahasa Inggeris?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya sama dengan soalan tambahan pada mula tadi.

Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, scalan nombor 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

## PROJEK PERKILANGAN

**9. Tuan Karpal Singh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan perusahaan-perusahaan pekilangan yang diluluskan dalam tahun 1979, bilangan daripadanya yang telah mula operasinya dalam tahun 1979 dan amaun modal yang dilaburkan di dalam perusahaan-perusahaan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1979, sejumlah 484 projek-projek perkilangan telah diberikan kelulusan oleh Kerajaan. Mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk memastikan taraf pelaksanaan projek-projek ini, daripadanya telah memulakan operasi pada akhir tahun 1979. Jumlah modal yang dilaburkan di dalam 98 projek-projek ini adalah sebanyak \$485.2 juta.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini sebab musabab yang mengakibatkan hanya 20% dari jumlah 484 kilang yang telah diluluskan itu yang telah berjaya dalam peringkat operasi sekarang.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi projek-projek ini adalah diluluskan dalam tahun 1979. Jadi bagi melaksanakan sesuatu projek perkilangan ini ia mengambil masa yang panjang, kadang-kadang lebih daripada setahun, dua atau tiga tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selain daripada 98 projek yang telah mengeluarkan hasil ataupun menjalankan operasinya, sebanyak 65 projek sedang membina kilang dan memasang alat-alat jenteranya. Selain daripada itu, sebanyak 316 projek-projek yang berkenaan sedang giat untuk memulakan pelaksanaan. Jadi bermaknalah bahawa boleh dikatakan keseluruhan daripada 484 projek yang saya katakan tadi akan dilaksanakan, tetapi soal yang dikemukakan itu adalah bagi tahun 1979. Jadi dalam tahun 1980 dan tahun yang akan datang adalah dipercayai bahawa semua projek-projek itu akan dilaksanakan.

#### KURSUS SIVIK—"KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT DEMOKRAT"

**10. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan lebih kursus sivik atas "Kepimpinan Dalam Masyarakat Demokrat" agar ramai dapat memahami kerja-kerja yang dijalankan oleh Kerajaan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah ya.

Jabatan ini akan terus mengadakan kursus-kursus sivik seperti yang pernah dijalankan pada masa-masa lampau.

**Tuan V. David:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini penerangan yang macam mana Jabatan Penerangan buat, adakah kursus sivik itu diadakan bila ada pilihanraya kecil atau pilihanraya umum. Ada juga kursus diadakan bagi tiap-tiap kawasan, macam mana, saya pun tidak tahu rancangan itu, adakah satu rancangan bila ada pilihanraya, diadakan kursus sivik atau pada masa biasa diadakan juga satu rancangan untuk mengadakan kursus sivik dalam kawasan-kawasan untuk memberi penerangan macam mana perjalanan demokrasi dalam negara kita, dan soalan yang kedua, bila pilihanraya ada, pihak Kerajaan memberi bantuan wang, belanja nasi Beriani dan lain-lain. Ini adalah satu contoh bila diadakan pilihanraya kecil, saya ingin tahu macam mana. Saya harap boleh diberi penerangan sedikit.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan ada beberapa tanggungjawab dan dalam rancangan untuk kursus-kursus sivik selalu dan sentiasa dijalankan. Dan dalam masa pilihanraya kita ada tanggungjawab untuk memberitahu dan memberi penjelasan kepada rakyat di atas tanggungjawab mereka untuk keluar mengundi dan lain-lain dan atas tanggungjawab itulah diadakan kursus-kursus sivik dalam masa pilihanraya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, sebenarnya orang yang kurang memahami dan menilai kerja-kerja yang dijalankan oleh Kerajaan itu adalah terdiri daripada penyokong-penyokong parti Pembangkang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus sivik khas kepada orang-orang atau penyokong-penyokong parti Pembangkang itu terutama apabila dekat dengan pilihanraya?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat macam mana kita cuba pun susah hendak membersihkan. (*Ketawa*)

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini dalam kursus-kursus sivik atas

“Kepimpinan Dalam Masyarakat Demokrat” ini, adakah peserta-peserta itu diberitahu tentang peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh parti Pembangkang dalam sebuah masyarakat yang dikatakan mempunyai sistem demokrasi berparlimen itu?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kursus sivik “Kepimpinan Dalam Masyarakat Demokrat” adalah kursus-kursus mengenai sistem Kerajaan kita, sistem pilihanraya kita yang demokratik. Dalam penjelasan seperti itu, kita ada memberi penjelasan mengenai parti-parti Pembangkang yang Constructive dan bukan yang destructive sahaja.

**Tuan V. David:** Tadi saya dengar kursus sivik ini ada juga yang memberi keterangan macam mana masyarakat kita yang mengamalkan sistem demokrasi, tetapi adakah diberitahu oleh Kerajaan khususnya Jabatan Penerangan untuk memanggil juga wakil-wakil parti Pembangkang ataupun Ahli-ahli Pembangkang di tiap-tiap kawasan bila ada kursus sivik dipanggil untuk mengikuti kursus ini. Saya nampak biasanya di tiap-tiap kawasan bila pilihanraya diadakan kursus sivik penuh 100% dengan Ahli-ahli Barisan tetapi bukan lain-lain orang, mengapa? Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sedar, kalau sedar, bolehkah diambil tindakan?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam semua kursus-kursus sivik kita ada pensyarah-pensyarah yang tertentu, kita ada pensyarah-pensyarah yang khusus dari Kementerian Penerangan sendiri dan jikalau kita tidak cukup kepakaran-kepakaran di atas subjek-subjek yang asing, kita ada menjemput pakar-pakar daripada luar Kementerian, tetapi pemaparan ini semua bergantung kepada kepakaran orang-orang yang tertentu dan tidak bergantung kepada fikiran politik mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang akhir, Yang Berhormat dari Pontian.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, apakah dalam kursus sivik yang tersebut diberitahu bahawa dalam demokrasi ada parti-parti yang bertanding, siapa yang kalah tidak akan ditembak, mereka boleh hidup terus, mereka

boleh berjuang lagi. Hak minoriti masih wujud, hak orang yang kalah masih ada dan orang-orang seperti Ahli Yang Berhormat dari Damansara boleh kalah, boleh menang dan boleh dikeluarkan daripada Parlimen ini dan boleh masuk kembali . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini rasa saya dalam jawapan Yang Berhormat tadi sudah mengandungi walaupun tidak detail.

**Tuan V. David:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan V. David:** Saya minta soalan itu ditarik balik oleh Yang Berhormat (*Ketawa*).

## PELAJARAN JAWI DI SEKOLAH-SEKOLAH

**11. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Pelajaran apakah satu langkah yang praktikal untuk melaksanakan ajaran jawi di sekolah-sekolah kita memandangkan keseluruhan guru-guru muda sekarang tidak tahu jawi, dan guru-guru ugama sendiri telah kesuntukan masa dalam menguruskan pelajaran mereka sendiri.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, perlaksanaan pengajaran Jawi di sekolah-sekolah yang pada masa ini dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Kementerian saya semenjak tahun 1971 adalah merupakan langkah yang praktikal. Guru-guru pelatih diberi latihan tulisan jawi di Maktab-maktab Perguruan. Dengan demikian tidaklah benar jika dikatakan keseluruhan guru-guru muda sekarang ini tidak tahu Jawi. Apa yang wujud sekarang ialah bahawa bahan-bahan bacaan dalam tulisan Jawi adalah berkurangan jika dibandingkan dengan masa sebelum merdeka. Dengan itu peluang untuk guru-guru ini, malah semua orang, untuk terus menggunakan kemahirannya adalah terhad.

Untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang, Kementerian saya telahpun menyusun semula bahan-bahan pelajaran Jawi serta menggubal teknik-teknik pengajaran yang lebih berkesan untuk disebarkan kepada guru-guru melalui Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan. Di samping itu Kementerian saya telahpun mengarahkan semua penerbit

supaya mencetak semua buku-buku teks Uagama Islam untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dalam kedua-dua tulisan iaitu Rumi dan Jawi. Ini akan menambahkan lagi bahan-bahan bacaan bertulisan Jawi.

### TULISAN JAWI ASAS PELAJARAN UGAMA ISLAM

**12. Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) sama ada Pelajaran skrip Jawi yang diwajibkan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan sebagai sebahagian dari matapelajaran Bahasa Malaysia kini menjadi sebahagian daripada Dasar Pelajaran Nasional akan diwajibkan dalam peperiksaan sekolah dan peperiksaan awam;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa skrip Jawi yang diwajibkan kepada murid-murid bukan Melayu adalah tidak berfaedah sama sekali kepada mereka kerana skrip Bahasa Malaysia yang dianggap rasmi ialah skrip Rumi walaupun penggunaan skrip Jawi tidak dihalang;
- (c) apakah tujuan mewajibkan semua murid dalam Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan mempelajari skrip Jawi;
- (d) sama ada pelajaran skrip Jawi dalam Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan boleh dijadikan mata-pelajaran pilihan (optional) bagi murid-murid bukan Melayu, jika tidak, mengapa.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada soalan,

- (a) Tulisan Jawi adalah pelajaran asas untuk pelajaran Uagama Islam dan oleh kerana semua murid Islam sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun di Sekolah Rendah Kebangsaan diwajibkan mengambil pelajaran Uagama Islam maka adalah diwajibkan semua murid Islam mengikuti pelajaran tulisan Jawi.
- (b) Tulisan Jawi tidak diwajibkan kepada murid-murid bukan Melayu. Jadi soal ada faedah atau tidak ada faedah tidak berbangkit.

(c) Seperti dikatakan dalam jawapan saya yang pertama tadi bahawa oleh kerana semua murid yang beragama Islam diwajibkan mengambil pelajaran Uagama Islam maka semua murid-murid Islam sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah Rendah Kebangsaan diwajibkan mengikuti pelajaran tulisan Jawi.

(d) Pelajaran Uagama Islam tidak diwajibkan kepada murid-murid yang bukan beragama Islam tetapi sekiranya mereka memilih untuk mengambil mata-pelajaran Uagama Islam maka mereka terpaksa mengikuti pelajaran tulisan Jawi.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tidak begitu sama dengan keadaan sebenar. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di beberapa Sekolah Rendah Kebangsaan murid-murid bukan Melayu apabila mempelajari Bahasa Malaysia, mereka juga terpaksa mempelajari skrip Jawi dan sekiranya beliau sedar, bolehkah beliau mengarahkan supaya pelajaran Jawi ini dibuka sebagai mata-pelajaran pilihan kepada murid-murid bukan Melayu, oleh kerana saya masih ingat semasa saya menjadi guru, masa itu sudah diperkenalkan pelajaran Jawi sebagai sebahagian daripada matapelajaran Bahasa Malaysia.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar tulisan Jawi digunakan sebagai sebahagian daripada matapelajaran Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, saya masih menyatakan bahawa tulisan Jawi tidak diwajibkan kepada mereka yang tidak mahu belajarnya dari mereka yang bukan keturunan Melayu, itu masih menjadi kepastian dan masih menjadi peraturan di bawah Kementerian Pelajaran. Sama ada saya sedar atau tidak dipraktikkan di sekolah terjadi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, terpaksa saya bergantung kepada laporan-laporan, kalau ada, tolonglah sampaikan kepada saya barangkali tidak diketahui ataupun sebab-sebab yang tertentu, itu saya tidak dapat menjawab.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Menteri akan bercadang untuk menggantikan orang-orang yang bukan

Melayu yang berkeahlian dalam tulisan Jawi untuk mengajar tulisan Jawi di sekolah-sekolah yang berkenaan untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang memahami tulisan Jawi itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal guru tidak payah dijawab. Yang Berhormat dari Menglembu.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa skrip Jawi adalah menjadi sebahagian daripada matapelajaran Bahasa Malaysia dan oleh kerana ia menjadi sebahagian daripada matapelajaran Bahasa Malaysia dan oleh kerana Bahasa Malaysia sendiri menjadi satu matapelajaran yang diwajibkan oleh semua murid-murid tanpa mengira apa agama atau bangsa maka tidakkah bererti bahawa murid-murid bukan Melayu juga terpaksa mempelajari skrip Jawi iaitu tidak termasuk tentang agama, tetapi skrip Jawi sahaja.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti terkandung di dalam jawapan saya ini, hasrat sebenarnya jawabnya tidak. Tetapi dari segi logik kalau hendak dikatakan logik tulisan Jawi menjadi sebahagian daripada pelajaran Bahasa Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan diwajibkan, jadi logiknya dikatakan bahawa skrip Jawi juga dilogikkan, barangkali ini boleh digunakan sebagai hujah, tetapi saya masih mengatakan bahawa kewajipan itu tidak. Kalau sesiapa pun mengatakan dia tidak mahu belajar Jawi—boleh juga, tetapi akibatnya, itu soal lain.

## PENJUAL-PENJUAL UBAT DI KAKI LIMA

**13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat penjual-penjual ubat di kaki-kaki lima negara ini mungkin bertambah bilangannya. Apakah hasil perjumpaan Kementerian Kesihatan dengan bomoh-bomoh tempatan baru-baru ini. Adakah mereka ini termasuk dari golongan-golongan penjual-penjual ubat tadi.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat penjual-penjual ubat

di kaki-kaki lima terutama sekali di bandar-bandar besar di negara ini. Oleh kerana Kementerian ini tidak mempunyai angka-angka mengenai penjual-penjual ubat ini maka tidaklah dapat saya menyatakan sama ada bilangan penjual-penjual ubat ini bertambah atau sebaliknya. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak pernah mengadakan sebarang perjumpaan dengan bomoh-bomoh tempatan. Sepanjang yang saya ketahui, bomoh-bomoh adalah pengamal kaedah-kaedah rawatan "traditional". Penjual-penjual ubat kaki lima pula adalah orang-orang yang menjual ubat-ubat "herbal" dan sebagainya. Mereka juga menjual ubat-ubat ala moden (western form of medicines) seperti pil, capsule dan sebagainya. Di bawah Ordinan Racun penjual-penjual ubat seperti ini tidak dibenar menjual ubat-ubat yang mengandungi racun, seperti anti-biotic. Oleh kerana bomoh-bomoh diketahui tidak mengamalkan rawatan traditional mereka di kaki-kaki lima, maka saya anggap mereka tidaklah termasuk dalam golongan penjual-penjual ubat tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah penjual-penjual ubat di kaki lima ini dikeluarkan lesen dan juga disahkan ubat yang dijual itu betul kerana kita tidak mahu yang peniaga itu hanya diberi lesen berniaga sahaja tetapi hendaklah juga diberi lesen menjual ubat dan ubat itu hendaklah disahkan betul.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, lesen untuk membolehkan mereka menjual ubat-ubat itu dikeluarkan oleh Kementerian lain, kalaulah mereka ada berlesen. Saya tidak dapat memastikan sama ada mereka mempunyai satu lesen seperti penjaja ataupun tidak.

Mengenai pengeluaran lesen, saya rasa Yang Berhormat itu maksudkan lesen dari Kementerian Kesihatan, ini satu perkara yang tidak diamalkan dan mungkin dapat ditimbang oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun adalah susah dan tidak praktikal bagi kita menentukan yang mereka itu menjual ubat-ubat yang sah sahaja kerana mungkin ada di kalangan mereka yang menjual ubat lain daripada apa yang dibenarkan oleh lesen tersebut.

## HASIL PERTANIAN—HARGA MINIMA

**14. Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang membuat satu cara yang berkesan untuk menstabilkan ke paras minima harga hasil-hasil pertanian yang kurang utama seperti kacang tanah, ikan, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain yang dihasilkan oleh pekebun-pekebun kecil secara kecil-kecilan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang bercadang untuk mengadakan satu sistem yang berkesan bagi menstabilkan harga hasil-hasil pertanian termasuklah kacang tanah, buah-buahan dan sayur-sayuran yang dihasilkan oleh pekebun-pekebun kecil. Usaha-usaha ini telahpun dimulakan oleh pihak FAMA di dalam projek jual belinya di mana FAMA telah membeli hasil-hasil pertanian dari petani-petani kemudian menjualkannya ke pasaran. FAMA juga sedang mendirikan bilik-bilik sejuk dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan di pusat-pusat pemasaran hasil tanaman untuk mengatasi masalah tersebut.

## PINJAMAN PENGUASA TEMPATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

**15. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan-kerajaan Tempatan hanya boleh meminta pinjaman daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tujuan membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerjanya dan jika ya, sama ada Kerajaan Pusat akan menimbang mengkaji semula peraturan-peraturan supaya membolehkan Kerajaan-kerajaan Tempatan meminjam secara langsung daripada Kerajaan Pusat untuk rancangan-rancangan perumahan harga murah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa semua Penguasa Tempatan adalah di bawah tabdiran Kerajaan Negeri maka adalah benar bahawa Penguasa-penguasa Tempatan hanya boleh meminta pinjaman daripada Kerajaan Negeri bagi tujuan membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerjanya.

Sehingga masa ini Kerajaan Pusat belum lagi membuat kajian untuk mengadakan peraturan-peraturan yang membolehkan Penguasa-penguasa Tempatan meminjam secara langsung daripada Kerajaan Pusat untuk rancangan-rancangan perumahannya.

## JALAN BENDANG KERING, KUALA KANGSAR

**16. Puan Yong Fattmah binti Mohd. Razali** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa projek menyambungkan jalanraya dari Bendang Kering di kawasan Kuala Kangsar ke Belanja sejauh 22 batu yang telah diluluskan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan; dan
- (b) apakah sebab-sebab pembinaan projek ini dihentikan sementara.

**Tuan Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, jarak sebenarnya jalan dari Bendang Kering ke Belanja ialah 18 batu dan bukannya 22 batu. Kementerian saya sedar ada ke-lambatan dalam perlaksanaan projek tersebut oleh kerana terdapat sedikit kelewatan berhubung dengan pemberian tawaran kepada kontraktor-kontraktor.

Walau bagaimanapun, perlaksanaan projek tersebut tidak diberhentikan sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebaliknya, projek ini sedang giat dilaksanakan sekarang dan dijangka siap pada bulan April tahun 1982.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 17 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).*

## PERBADANAN FILEM NASIONAL—PENUBUHAN

**6. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bersabit dengan cadangan untuk menubuhkan National Film Corporation, bolehkah beliau mengesahkan sama ada ianya telah ditubuhkan dan selanjutnya memberikan penerangan dengan panjang lebar mengenai peranan dan fungsi-fungsinya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Perbadanan Filem Nasional masih dalam rangka penubuhannya. Rang Undang-undang Perbadanan Filem Nasional itu telah pun disiapkan oleh Kementerian saya tetapi terdapat beberapa perkara yang memerlukan kajian yang lebih mendalam. Setelah kajian itu selesai, barulah Rang Undang-undang itu dikemukakan ke Jumaah Menteri dan jika diluluskan ianya akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini. Oleh kerana Deraf Akta Perbadanan tersebut masih dalam kajian, maka Kementerian saya berpendapat bahawa belum tiba masanya untuk memberi penerangan yang panjang lebar mengenai peranan dan fungsi-fungsi Perbadanan tersebut pada masa ini.

## JUMAAT SEBAGAI HARI KELEPASAN

**17. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa mengikut Perlembagaan Islam ialah ugama rasmi Persekutuan, sama ada beliau sedar bahawa hari kelepasan bagi Negeri-negeri Bersekutu (FMS). Negeri-negeri Selat, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan ialah hari Ahad, manakala Negeri-negeri Tidak Bersekutu (UFMS) hari kelepasannya ialah hari Jumaat, dan oleh kerana kesukaran perhubungan dan pentadbiran antara Negeri-negeri dengan Persekutuan, sama ada Kerajaan akan menyelaraskan satu hari kelepasan am bagi seluruh negeri dalam Malaysia sama ada hendak dijadikan hari Ahad atau Jumaat yang mana difikirkan sesuai sama ada dari segi perdagangan atau dari segi ekonomi. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Soalan ini telah pun dijawab pada 25hb Mac, 1980 semasa saya menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja 1980. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenai-nya.

## TARAF PENDUDUK TETAP

**18. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan bagi taraf penduduk tetap yang diterima sejak tahun 1970 hingga bulan Mac 1980, nyatakan komposisi kaumnya dan bilakah beliau akan mengumumkan cara-cara memohon dan syarat-syarat yang

dikehendaki bagi memproses permohonan tersebut, biasanya berapa lamakah sesuatu permohonan akan diluluskan, nyatakan dalam tempoh 1970 hingga 1979 ini berapa-kah permohonan telah ditolak.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Jumlah permohonan bagi taraf penduduk tetap yang diterima dari tahun 1970 hingga 1980 adalah sebanyak 50,656 saya tidak berhajat untuk memberikan perangkaan tersebut mengikut komposisi kaum. Seseorang yang hendak memohon taraf penduduk tetap adalah dikehendaki mengisi borang Imigeresen IM. 4 yang ditaja oleh seorang warganegara dengan disertakan 2 keping gambar foto kepada mana-mana Pejabat Imigeresen yang berhampiran. Pemohon dan penaja akan ditemuduga dan borang permohonan akan diproses termasuk rujukan kepada pihak polis untuk tapisan keselamatan. Masa yang diambil untuk memproses sesuatu kes adalah berpautan dan bergantung pula pada betapa tepat butir-butir yang diminta itu diberi oleh pemohon. Jumlah permohonan yang ditolak di antara tahun 1970 hingga 1979 adalah sebanyak 8,685.

## PENDATANG HARAM VIETNAM— BILANGAN

**19. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan:

- (i) bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masuk ke negara ini sejak bulan Disember 1979 dan bilangan yang telah diambil oleh negara-negara ketiga;
- (ii) bilangan yang berada di Malaysia setakat ini serta sebutkan di negeri mana mereka ditempatkan pada masa ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (i) Jumlah pendatang haram Vietnam yang masuk ke negara ini sejak Disember 1979 hingga sekarang ialah 4,095 orang dan jumlah yang diambil oleh negara ketiga seramai 17,157 orang.

(ii) Jumlah yang masih ada di negara ini sekarang ialah 23,156 orang. Mereka ditempatkan di kem di negeri-negeri berikut:

1. Kelantan	...	...	1,305 orang
2. Trengganu	...	...	10,683 orang
3. Johor	...	...	3,655 orang
4. Pahang	...	...	2,529 orang
5. Wilayah Persekutuan	...	...	4,343 orang
6. Sabah	...	...	251 orang
7. Sarawak	...	...	390 orang
Jumlah			23,156 orang

### PELARIAN FILIPINA KE SABAH

**20. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah tiada pengawalan terhadap kebanjiran pelarian-pelarian Filipina ke Sabah, jika sedar, mengapakah Kerajaan tidak dapat memberi bilangan pelarian-pelarian Filipina yang memasuki Sabah dan bagaimanakah Kerajaan dapat menjangka iaitu tiada terdapat pelarian Filipina yang memasuki Sabah untuk 10 tahun pertama tahun lalu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pihak Kerajaan membuat kawalan cukup terhadap pendatang haram yang datang dari Filipina yang telah diberi perlindungan sebagai orang pelarian politik kerana peperangan di Selatan Filipina. Kawalan ini merupakan pendaftaran mereka itu di Jabatan Imigresen. Bilangan mereka pada hari ini ialah 71,422 orang. 41% daripada mereka ini adalah kanak-kanak, 25% adalah orang-orang perempuan. Dari jumlah 71,422 orang, seramai 23,418 dari mereka telah memohon dan dikeluarkan pas kerja.

Memang benar tidak ada orang Filipina masuk ke Sabah diberi taraf pelarian dalam 10 bulan pertama tahun lalu.

### MURID-MURID SEKOLAH RENDAH

**21. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid yang ada di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara, bilangan murid-murid yang berada di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan dengan memberikan perpecahan mengikut kaum bagi sekolah-sekolah tersebut.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): seperti yang dilampirkan.

ENROLMEN DI SEKOLAH RENDAH BANTUAN (DARJAH 1 HINGGA 6)  
DI MALAYSIA SEPERTI PADA 31/1/79

						<i>Melayu/ Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India/ Pakistan</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
<b>SEMANJUNG:</b>										
Pengantar Bahasa Malaysia	..	..	..	..	..	907,428	72,152	80,514	8,415	1,068,509
Pengantar Bahasa China	..	..	..	..	..	8,256	492,583	1,744	412	502,995
Pengantar Bahasa Tamil	..	..	..	..	..	467	176	76,366	4	77,013
					<b>Jumlah</b>	<b>916,151</b>	<b>564,911</b>	<b>158,624</b>	<b>8,831</b>	<b>1,648,517</b>
<b>SABAH:</b>										
Pengantar Bahasa Malaysia	..	..	..	..	..	92,223	4,341	808	11,248	108,620
Pengantar Bahasa China	..	..	..	..	..	2,580	22,126	24	597	25,327
Pengantar Bahasa Tamil	..	..	..	..	..	tiada	tiada	tiada	tiada	tiada
					<b>Jumlah</b>	<b>94,803</b>	<b>26,467</b>	<b>823</b>	<b>11,845</b>	<b>133,947</b>
<b>*SARAWAK:</b>										
Pengantar Bahasa Malaysia	..	..	..	..	..	—	—	—	—	191,607
Pengantar Bahasa China	..	..	..	..	..	—	—	—	—	10,301
Pengantar Bahasa Tamil	..	..	..	..	..	—	—	—	—	201,908
					<b>Jumlah</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>—</b>
<b>†MALAYSIA:</b>										
Pengantar Bahasa Malaysia	..	..	..	..	..	999,651	76,493	81,322	19,663	1,368,736
Pengantar Bahasa China	..	..	..	..	..	10,836	514,709	1,768	1,009	538,623
Pengantar Bahasa Tamil	..	..	..	..	..	467	176	76,366	4	77,013
					<b>Jumlah</b>	<b>1,010,954</b>	<b>591,378</b>	<b>159,456</b>	<b>20,676</b>	<b>1,984,372</b>

\* Maklumat murid mengikut kaum bagi Sarawak tidak dapat ditunjukkan dalam Jadual ini.

† Maklumat tidak termasuk pecahan mengikut kaum di Sarawak.

## KONSEP ASEAN

**22. Tuan V. David** minta Menteri Luar Negeri menerangkan:

- (a) adakah benar ASEAN ditubuhkan pada mulanya dengan tujuan mengujudkan perpaduan kebudayaan dan sosio ekonomi di antara negara-negara yang bersekutu di bawahnya;
- (b) jika ya, adakah terdapat penyelewengan sekarang berbanding dengan tujuan asalnya;
- (c) adakah benar ASEAN sedang berubah dari konsep asalnya kepada membentuk satu pakatan ketenteraan di antara negara-negara yang bersekutu di bawahnya; dan
- (d) apakah ASEAN akan menjadi sebuah gabungan yang akan memindahkan tentera-tenteranya dari sebuah negara kepada sebuah negara yang lain untuk maksud pertahanan?

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Memang benar hakikat bahawa ASEAN ditubuhkan dengan tujuan mengujudkan perpaduan kebudayaan dan sosio-ekonomi di kalangan anggota-anggotanya dan ianya tidak pernah menyeleweng dari tujuan/matlamat asalnya seperti terkandung dalam Deklarasi Bangkok 1967.

ASEAN tidak akan berubah corak menjadi satu pakatan tentera. Perkara ini telah dijelaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa beliau merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN/EEC yang kedua di Kuala Lumpur pada 7hb Mac, 1980. Beliau berkata bahawa ASEAN akan terus menentang untuk menjadikannya satu pakatan tentera kerana ini akan menjejaskan imejnya yang teraku dikalangan antarabangsa.

Dengan itu, soal pakatan-sama di antara tentera negara-negara anggota ASEAN di bawah satu bendera ASEAN untuk maksud pertahanan bersama tidak timbul sama sekali. Namun begitu, mana-mana negara anggota ASEAN adalah bebas untuk mengadakan dan memperkukuhkan kerjasama keselamatannya dalam konteks hubungan dan kerjasama dua-hala, tanpa membabitkan ASEAN.

## GURU-GURU DALAM BAHASA CINA

**23. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar kekurangan guru-guru yang berkelayakan dalam bahasa Cina di kedua-kedua sekolah S.M.J.K. dan S.R.J.K. (Cina) yang menawarkan Bahasa Cina sebagai satu matapelajaran di negeri ini; jika demikian apakah langkah yang beliau ingin ambil untuk menyelesaikan kekurangan ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Saya memang sedar di atas kekurangan guru-guru yang berkelayakan dalam Bahasa Cina di kedua-dua sekolah S.M.J.K. dan S.R.J.K. (Cina) untuk mengajar dalam Bahasa Cina ataupun mengajar Bahasa Cina sebagai salah satu dari matapelajaran yang ditawarkan di peringkat Sekolah Menengah. Berasaskan kesedaran inilah, maka dari setahun ke setahun Kementerian saya telah mengambil langkah untuk menambah pengambilan guru-guru pelatih yang berkelayakan untuk menjalani latihan di Maktab-maktab Pengurusan bagi menampung kekurangan tersebut. Semenjak tahun 1970 sahaja, Kementerian saya telah melatih seramai lebih kurang 5,000 orang Guru-guru bagi tujuan ini.

## BANGUNAN PARLIMEN—BAIKI KEROSAKAN

**24. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak kerja-kerja membaiki di Bangunan Parlimen Malaysia masih tergendala. Perkara ini sudah beberapa kali dikemukakan kepada Kementerian tetapi "little action" saja diambil. Adakah Kementerian beliau dapat menyegerakan perkara tersebut. Jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk S. Samy Vellu):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan diberikan terhadap kerja-kerja membaiki yang mustahak di Bangunan Parlimen dan dilaksanakan dengan serta-merta setelah mengira lapuran kerosakan yang berkaitan dengannya. Bagaimanapun, peruntukan penyelesaian Bangunan tersebut dalam tahun

1979 iaitu sebanyak \$500,000 agak lewat diberikan oleh pihak berkuasa Dewan Rakyat Malaysia iaitu dalam pertengahan bulan September, Ekoran dari kelewatan penerimaan peruntukan tersebut menyebabkan terdapat setengah-setengah kerja-kerja membaiki yang tidak begitu penting terlambat sementara menunggu peruntukan. Pun begitu, pihak JKR telah melaksanakan semua kerja-kerja membaiki yang perlu dan mustahak berjumlah \$15,000 sebelum peruntukan diterima. Setelah peruntukan penyelenggaraan tersebut diterima, lain-lain kerja membaiki yang tidak begitu mustahak telah dilaksanakan dan disiapkan pada akhir tahun dan semua peruntukan sebanyak \$50,000 telahpun dibelanjakan. Dimaklumkan bahawa antara masalah utama dalam penyelenggaraan Bangunan Parlimen ialah kekerapan berlakunya kebocoran pada "concrete flat roof" di Podium Blok.

Untuk tahun ini, peruntukan penyelenggaraan sebanyak \$100,000 telahpun diterima dan bangunan ini dapat diselenggarakan dalam keadaan yang baik sekarang untuk digunakan bagi Persidangan Penggal Kedua, Parlimen Kelima yang bermula pada 17-3-1980.

### PENAGIH DADAH—BILANGAN

**25. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang didapati di Malaysia hari ini, sila nyatakan peratusan lelaki dan wanitanya, komposisi kaumnya serta nyatakan bilangan polis, tentera dan kakitangan Kerajaan yang terlibat dan apakah tindakan yang berkesan telah diambil oleh Kerajaan, khasnya PEMADAM untuk mengatasi masalah yang serious ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan penagih dadah yang telah dikesan sehingga tahun 1979 adalah lebih kurang 50,000 orang. Tetapi bilangan yang ditaksirkan adalah dipercayai 7 kali ganda angka tersebut.

Daripada bilangan penagih yang diketahui setakat ini 97.4% terdiri dari lelaki dan 2.6% perempuan. Dari peratusan ini bolehlah dikatakan bahawa masalah penagih dadah di-

kalangan rakyat negara ini adalah pada keseluruhannya dihadapi oleh kaum lelaki. Penagihan dari segi kaum adalah:

Melayu	...	...	...	47.5%
Cina	...	...	...	37.1%
India	...	...	...	13.8%
Lain-lain	...	...	...	1.5%

Bagi tempoh tahun 1978-1979 bilangan kakitangan Kerajaan yang disahkan sebagai penagih adalah:

Kakitangan Polis	...	...	122 orang
Kakitangan Tentera	...	...	80 "
Kakitangan Awam	...	...	6,930 "

Kakitangan awam termasuklah mereka yang bekerja dengan badan-badan berkanun.

Mengenai tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memerangi dadah perkara ini telahpun dijelaskan dengan panjang lebar dalam ucapan menggulung perbahasan atas titah Di Raja di Dewan ini pada 24hb Mac, 1980.

PEMADAM telah berjaya menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras PEMADAM peringkat negeri disemua 14 buah negeri di seluruh Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan dan 71 buah cawangan PEMADAM di peringkat daerah dengan mempunyai lebih 10,000 ahli.

Sekarang ini PEMADAM telah membuka 3 buah Pusat Harian dan sebuah Rumah Perantaraan di Wilayah Persekutuan dan Selangor untuk memberi khidmat seliaan kepada bekas penagih-penagih dadah.

PEMADAM juga menempu perhatian dan tenaga di bidang Pencegahan awal untuk menentukan bahawa belia-belia yang tidak terlibat akan terus menjauhi tabiat penggunaan dadah. Usaha ini adalah dibuat melalui kempen-kempen poster, seminar, ceramah, kursus dan dialog.

### PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP

**26. Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah beliau ambil untuk membaiki kualiti perkhidmatan awam. Adakah beliau sedar orang

ramai terpaksa menunggu untuk beberapa jam sebelum mereka dilayan khususnya di Jabatan Imigeresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Adakah beliau akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah drastik untuk memperkenalkan satu perkhidmatan awam yang bersih, tidak berasuah dan cekap.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum langkah telah dan sedang diambil untuk membaiki lagi kualiti perkhidmatan awam. Ethika Perkhidmatan Cemerlang telahpun dilancarkan. Teras Perkhidmatan Awam terus diusahakan untuk diamalkan.

Sementara itu Kerajaan telah memperhebatkan lagi latihan dalam perkhidmatan.

Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas mereka telah diberi kursus di dalam dan di luar negeri, diadakan seminar dan forum untuk mendekati mereka dengan masalah-masalah yang sedang dihadapi dan cara mengatasinya.

Tambahan kemudahan-kemudahan latihan terutama di INTAN sedang diusahakan dan bila siap boleh melatih 10,000 kakitangan setahun. Jabatan Perkhidmatan Awam juga sedang mengambil tindakan membaiki lagi urusan pengambilan, pembayaran pencen, disiplin, naik pangkat dan sebagainya. Semua ini bertujuan membaiki lagi kualiti perkhidmatan awam.

Pada suatu ketika dahulu (Ogos hingga Oktober 1979) Jabatan Imigeresen telah mengalami kesesakan. Ini disebabkan oleh orang ramai yang telah membanjiri di Jabatan ini untuk mendapatkan kemudahan surat perjalanan seperti paspot. Di samping itu ruang tempat adalah terlalu sempit. Inilah punca utama dan masalah yang besar yang dihadapi oleh Jabatan itu. Ianya bukanlah suatu masalah baru tetapi telah sedia ada sekian lama disebabkan oleh keadaan bangunan itu sendiri.

Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa keadaan telah berubah di Jabatan itu. Orang ramai tidak lagi terpaksa menunggu lama untuk menanti giliran mereka.

Berbagai perubahan telah diadakan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kepada orang ramai. Kaunter-kaunter telah ditambah

dan untuk mengelakkan orang ramai bertumpu ke satu tempat, Jabatan Imigeresen telah membuka kaunter-kaunter baru di Wisma Pahlawan untuk pengeluaran Paspot Malaysia Terhad. Manakala pengeluaran paspot Malaysia Antarabangsa dibuat di Ibu Pejabat.

Mengenai kelewatan yang berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan dalam urusannya sehari-hari, berbagai-bagai rancangan telahpun dan sedang dijalankan untuk mengatasinya, misalnya Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang sedang dalam proses penyusunan semula struktur organisasinya di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Negeri dengan tujuan memperbaiki perkhidmatannya kepada rakyat. Di dalam rancangan pembangunan yang dijalankan, usaha sedang ditumpukan untuk mengagih-agihkan perkhidmatan yang diberi dengan cara memperluaskan aktiviti-aktivitinya di peringkat daerah. Bangunan-bangunan yang lama dan tidak selesa telah diganti dengan bangunan baru sementara bangunan pejabat-pejabat yang kecil diperbesarkan. Dalam pada itu juga alat-alat serta kelengkapan moden akan diperkenalkan untuk mempercepatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi. Pertambahan pegawai dan kakitangan juga telah meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh dua tahun yang lalu, misalnya tenaga pemeriksa kereta dan penguji drebar telah ditambah bagi menampung keperluan yang dikehendaki.

Sebenarnya kebiasaannya orang ramai terpaksa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan ini pada waktu kesibokan sahaja, oleh yang demikian keperluan alat-alat, kakitangan sekiranya dibekalkan untuk memenuhi kehendak masa kesibokan adalah tidak ekonomi, bagaimanapun masalah tersebut sedang diatasi dengan memuassakan dikebanyakan pejabat-pejabat negeri secara "deployment of staff" mengikut beban-beban kerja pada sesuatu masa. Di pejabat-pejabat Wilayah Persekutuan dan Selangor yang mana masa kesibokan tersebut adalah lebih panjang, tindakan telah diambil untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kaunter dalam waktu makan tengahari (lunch hour counter) dan meluaskan ruang-ruangan pejabat dengan tujuan meninggikan kecekapan perkhidmatan.

Kerajaan tidak berniat mengambil langkah drastik kerana agensi Kerajaan seperti Unit pemodenan pentadbiran (MAMPU), Biro Pengaduan Awam dan Biro Siastan Negara dikira berkemampuan untuk menentukan langkah-langkah yang patut diambil oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dalam mempercepatkan proses memberi perkhidmatan kepada orang ramai serta juga membersihkan perkhidmatan daripada penyelewengan. Kerajaan berpuashati kerana banyak tindakan telahpun diambil dan akan diteruskan dengan tujuan memastikan wujudnya satu perkhidmatan awam yang bersih, tidak berasuah dan cekap di negara ini.

Dengan adanya 470 ribu anggota perkhidmatan Awam tidak termasuk Polis dan Angkatan Bersenjata di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan, perkara ini mungkin mengambil masa tetapi Kerajaan telahpun mengambil langkah dan akan terus berusaha mengujudkan perkhidmatan awam yang bersih, tidak berasuah dan cekap di negara ini.

Akhir-akhir ini Akta Pencen Baru dan peruntukan dalam Perintah Am membolehkan Kerajaan menyarakan/memberhentikan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang didapati telah tiba had kemampuannya dan tidak boleh lagi maju dalam perkhidmatan.

### **YURAN PERSEKOLAHAN DI BRITAIN—SUBSIDI**

**27. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau ingin memberi subsidi kepada murid-murid yang belajar di Britain selain daripada menubuhkan satu tabung oleh kerana tambahan bayaran yang dikenakan oleh Kerajaan Britain kepada penuntut-penuntut kita memandangkan kebanyakan penuntut-penuntut tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di negeri ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian Pelajaran hanya bercadang untuk mengadakan tabung untuk membolehkan pelajar-pelajar di United Kingdom mendapat pinjaman hanya di dalam keadaan-keadaan terdesak.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa subsidi oleh kerana bagi penuntut-penuntut yang dibiayai

oleh Kerajaan, biasiswa mereka akan disesuaikan dengan kadar kenaikan yuran yang dikenakan.

Perlu diingatkan pula bahawa calon-calon persendirian ialah calon-calon yang telah memilih secara sendiri untuk belajar di United Kingdom dan mereka tentulah tahu atas implikasi pilihan mereka untuk belajar secara sendiri ini. Oleh itu penambahan yuran hendaklah ditampung oleh mereka sendiri.

### **PEMBANGUNAN LEMBAH SUNGAI GOLOK**

**28. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah rancangan Bersama Pembangunan Lembah Sungai Golok yang akan dijalankan bersama dengan Kerajaan Thailand telah berjalan.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Kementerian saya bersama dengan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Thailand telah bersetuju untuk menjalankan satu kajian yang menyeluruh mengenai pembangunan luar bandar dan pengurusan sumber-sumber air di kawasan Lembah Sungai Golok. Kajian tersebut adalah berasaskan kepada satu syarat rujukan (term of reference) yang telahpun dipersetujui oleh kedua-dua pihak, Malaysia dan Thailand. Kajian ini akan dijalankan tidak lama lagi.

### **SEKIM KAWASAN JALAN KENA BAYARAN (AREA PRICING SYSTEM)**

**29. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah telah terjadi kepada "Sistem Penghargaan Kawasan" (Area Pricing System) yang diheboh-hebohkan dahulu untuk Wilayah Persekutuan. Adakah benar lebih kurang \$19 juta telah dibelanjakan untuk mendirikan 13 buah gerbang besi di pusat bandar, dan bilakah sistem tersebut akan diperkenalkan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Hussein Onn):** Sekim Kawasan Jalan Kena Bayaran (Area Road Pricing System) atau Sekim Kawasan Terhad merupakan sebahagian daripada Projek Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur Kedua (Second Kuala Lumpur Urban Transport Project) yang sedang

dilaksanakan oleh Kerajaan. Di bawah sekim Kawasan Jalan Kena Bayaran ini, sebanyak 16 buah gerbang besi (gantries) akan didirikan di beberapa persimpangan yang menghala ke Pusat Kawasan Perdagangan (Central Business Area). Adalah tidak benar kos untuk mendirikan gantri-gantri tersebut berjumlah \$19 juta seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Kerajaan telah membelanjakan hanya \$106,600 untuk membina gantri-gantri tersebut dan ianya akan digunakan dengan sepenuhnya apabila sekim itu dilaksanakan kelak.

Sekim Kawasan Jalan Kena Bayaran ini adalah ditangguhkan perlaksanaannya disebabkan beberapa keperluan pelaksanaan sekim tersebut belum disediakan dengan sempurna lagi. Di antaranya ialah Perkhidmatan Pengangkutan Awam perlu ditambah dan diperkemaskan dan pembaikan/pembinaan jalan terutama jalan-jalan lingkaran (ring roads) perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum sekim tersebut dapat dilaksanakan. Ini untuk memastikan supaya kesulitan tidak timbul kepada orang ramai dan penggunaan-pengguna jalanraya apabila sekim Kawasan Jalan Kena Bayaran dilaksanakan.

Apabila semua keperluan tersebut sudah ada kelak, maka sekim kawasan Jalan Kena Bayaran itu akan dikaji semula.

### KOMUNIS MEMAKAI JUBAH DAN SERBAN

**30. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak beliau pernah menangkap dan menahan komunis yang memakai jubah dan serban. Jika ya, nyatakan jumlah mereka yang ditangkap dan di mana mereka ditangkap.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sehingga ke hari ini belum ada anggota atau anasir komunis yang berpakaian serban atau jubah yang telah ditangkap di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap berwaspada terhadap golongan yang berpura-pura memperjuangkan Islam bagi kepentingan komunis dan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas golongan-golongan sedemikian jika didapati kegiatan-kegiatan mereka memudharatkan keselamatan negara.

### ASEAN—PENUBUHAN PAKATAN PERTAHANAN

**31. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan tujuan Kerajaan Vietnam mengenai perkembangan atau peluasan serangan (expansionist) adakah beliau ingin mencadangkan kepada ASEAN mendirikan satu pakatan pertahanan (Defence Pact) mempertahankan kepentingan ASEAN.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Malaysia tetap tidak beranjak dengan pendirian bahawa ASEAN adalah satu pertubuhan sosio-ekonomi dan kebudayaan. Dengan itu soal untuk mengadakan satu pakatan tentera di bawah naungan ASEAN tidak timbul sama sekali. Namun begitu, dalam menghadapi perkembangan dan pergolakan politik serantau, Malaysia sentiasa dan akan terus mempertingkatkan lagi kekuatan Angkatan Tentera kita dari segi senjata dan kesiapsiagaan dan mempertingkatkan rancangan untuk memperbaiki lagi kesejahteraan rakyat. Dengan lain-lain perkataan, ketabahan nasional kita haruslah terus dibina dan ianya merupakan satu-satunya senjata yang terkuat dalam menentang perkembangan dan peluasan serangan dari mana-mana pihak.

### ELETRIK MENGGUNAKAN KABEL

**32. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kebaikan-kebaikannya saluran elektrik yang menggunakan sistem kabel jika dibandingkan dengan sistem biasa yang ada hari ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Terlebih dahulu, suka saya menyatakan bahawa pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas, kerana LLN buat masa ini sedang menggunakan banyak kabel yang ditanam di bawah tanah terutama kabel-kabel yang menyalurkan bekalan voltan tinggi. Mungkin soalan Ahli Yang Berhormat ini ditujukan kepada kabel yang dipasang atas tiang yang baru-baru ini dicuba di Tanjung Karang sebagai satu projek printis. Sekiranya ya, maka faedah-faedahnya adalah banyak umpamanya kita tidak payah menebang begitu banyak pokok-pokok dan dahan-dahan

yang berdekatan kerana kabel ini adalah jenis bertebat atau bersalut dan dengan demikian pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik luar bandar dijangka akan dapat dipercepatkan di samping mengurangkan kos modal. Di samping itu jika kabel bersalut ini ditimpa dengan dahan-dahan pokok ia tidak semudahnya terputus bekalan seperti kabel biasa yang direntang.

Oleh kerana sistem baru ini banyak kelebihannya maka pihak LLN sedang membuat kajian tentang kejayaan projek printis tersebut di Tanjong Karang dengan tujuan untuk memperkenalkan penggunaan sistem baru ini untuk projek-projek bekalan elektrik luar bandar di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

### **BANTUAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR DI SEBERANG LAUT**

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tabung pusingan untuk membantu pelajar-pelajar yang belajar di seberang laut yang memerlukan bantuan atau ingin belajar di seberang laut sedang beroperasi, dan kepada siapa dan kemana-kah pemohon-pemohon ini harus meminta nasihat dan bantuan.

**Dato' Musa bin Hitam:** Jawapan untuk soalan ini adalah sama seperti jawapan yang telah diberi kepada soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 21hb Mac, 1980.

### **PENUBUHAN UNIVERSITI/POLITEKNIK DI MALAYSIA**

**34. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar betapa perlunya ditubuhkan lebih banyak lagi universiti-universiti dan politeknik-politeknik memandangkan terdapat tuntutan yang besar dari pelajar yang layak, kesusahan dan kos terlalu tinggi untuk belajar di seberang laut serta keperluan tenaga mahir untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kerajaan memang sedar di atas kesusahan dan kos terlalu tinggi bagi belajar di seberang laut terutama sekali

di United Kingdom. Kerajaan kini sedang berusaha mencari jalan untuk mendapatkan peluang belajar yang lebih di negara-negara lain selain daripada United Kingdom seperti Amerika Syarikat, Canada, New Zealand dan Australia yang mana kos pengajiannya tidak begitu tinggi jika dibandingkan dengan United Kingdom.

Bagaimana yang telah saya perkataan sebelum ini, soal menubuhkan lebih banyak universiti belum lagi dirasakan perlu disebabkan universiti-universiti yang sedia ada masih lagi dalam peringkat perkembangan dan pembangunan.

Berhubung dengan pembinaan politeknik-politeknik pula Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempatnya akan membina lima buah lagi politeknik yang akan ditempatkan dimerata Malaysia.

### **KAYU-KAYAN TEMPATAN BERKURANGAN**

**35. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar diketahui umum, bahawa towkey-towkey balak—kilang papan semata-mata pentingkan diri sendiri tanpa menghitung kehendak masyarakat dan negara, sehingga untuk mendapatkan papan atau kayu sekarang susah dan mahal yang menyebabkan banyak kerja-kerja pembangunan tergendala dan tergugat, dan jika benar apakah tindakan Kementerian ke atas mereka itu dan benarkan mereka itu cuba menggagalkan rancangan DEB Kerajaan.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Kementerian saya sedar bahawa pengguna-pengguna kayu-kayan tempatan mengalami kesulitan untuk memperoleh bekalan dan juga harga yang tinggi. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa kesulitan dalam bekalan dan kenaikan harga itu semata-mata disebabkan oleh tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu seperti pengilang-pengilang yang banyak mengekspot kayu gergaji khasnya jenis berperingkat. Angka-angka menunjukkan bahawa jumlah ekspot kayu gergaji dari tahun 1976 hingga tahun 1978 berada pada paras 2.7 juta meter kubik atau 50% daripada pengeluaran kayu

gergaji sebanyak 5.4 juta meter kubik. Sebaliknya pula, jumlah kayu gergaji yang digunakan dalam negeri telah bertambah sebanyak 18%. Dalam tempoh itu juga, pengeluaran kilang papan di Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 8%.

Mengenai kenaikan harga kayu-kayan dan mengadakan bekalan untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna tempatan, saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar akan kedudukannya dan juga tindakan yang telah dan akan terus diambil oleh Kementerian saya semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat wakil dari Ulu Trengganu di Dewan ini pada 26-3-1980.

### **DUTI IMPORT ATAS BAJA/BAHAN KIMIA**

**36. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang mengecualikan cukai import ke atas baja dan kimia pertanian di Sarawak untuk mengurangkan beban petani-petani.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Duti import yang dikenakan ke atas baja-baja dan bahan-bahan kimia pertanian yang terdapat sekarang ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan tariff kepada pengusaha tempatan. Bagaimanapun baja-baja dan bahan-bahan kimia pertanian dari jenis yang tidak dikeluarkan di negeri ini adalah tidak dikenakan duti import.

Di dalam menetapkan kadar duti import ke atas baja-baja dan bahan-bahan kimia pertanian tersebut pertimbangan telah diambil untuk melindungi pengguna-pengguna terutama sekali petani-petani serta memelihara perusahaan tempatan. Dengan itu kadar duti import tersebut adalah sederhana sahaja, kerana mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna dan perusahaan tempatan.

Bagaimanapun, Kerajaan akan membuat kajian dari masa ke semasa untuk menentukan kemungkinan mengurangkan lagi tingkat perlindungan yang diberikan. Dari segi inilah dalam masa jangka yang panjang perusahaan tempatan tersebut harus diberi perlindungan tariff pada tingkat kadar duti import yang minima sahaja.

### **PELARIAN VIETNAM DI MALAYSIA—SAKI-BAKI**

**37. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian ini sedar bahawa saki-baki pelarian Vietnam yang masih berada di Malaysia sekarang adalah terdiri dari orang yang kurang pengalaman dan pengetahuan dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian ini untuk mengelakkan mereka ini daripada menjadi beban kepada Kerajaan. Apakah program untuk menghantar mereka ini ke negara-negara ketiga.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Baki pendatang-pendatang haram Vietnam yang ada di negara ini sekarang sedang diproses oleh negara-negara ketiga untuk ditempatkan di negara masing-masing, oleh kerana proses itu masih berjalan maka tidaklah ujud saki-baki pendatang haram Vietnam pada masa ini.

Kita sentiasa mendesak UNHCR dan negara-negara ketiga lain supaya mempercepatkan proses penempatan dan pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini.

### **PEMBINAAN JAMBATAN DI BATU KAWAN MENGGANTIKAN FERI**

**38. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang feri di Batu Kawan/Bukit Tambun yang digunakan oleh agaknya 300 orang murid sekolah dalam perjalanan mereka ke sekolah tiap-tiap hari dan sama ada beliau sedar feri itu dengan sebuah lori yang dibawanya telah tenggelam di sungai itu pada 22-2-1980, jam 3.00 petang. Jika ya, sama ada satu jambatan akan dibina untuk mengelakkan peristiwa sedih Sungai Krian di mana sebilangan murid-murid telah mati lemas apabila feri di Parit Buntar/Bandar Baru tenggelam beberapa tahun yang lalu.

**Datuk S. Samy Vellu:** Saya sedar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek pembinaan Jambatan di Batu Kawan telah dimasukkan ke dalam senarai projek-projek di bawah Rancangan Jalan-jalan

Luar Bandar. Kerja-kerja penyiataan tanah dan juga rekabentuk kejuruteraan akan dijalankan oleh pihak Jabatan Kerjaraya bagi melaksanakan projek tersebut.

### **PERJUDIAN—EMPAT NOMBOR EKOR/ LUMBA KUDA/TOTO/CASINO**

**39. Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada memandangkan ugama rasmi Malaysia ialah Islam, Kerajaan akan mengharamkan segala jenis perjudian seperti Empat Nombor Ekor, Lumba kuda (Turf Club), Toto, Casino dan lain-lain yang telah halal selama ini oleh Kerajaan; dan
- (b) sama ada memandangkan keuntungan besar yang diperolehi oleh Magnum Corporation Bhd. dan lain-lain badan perjudian yang seringkali menghulurkan derma yang merupakan "conscience money" yang dikecualikan daripada cukai pendapatan, Kerajaan akan menambahkan wang hadiah yang diberi sekarang sepertimana telah dilakukan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Kerajaan pada dasarnya tidak sekali-kali menggalakkan perjudian, malah adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali perjudian di negara ini.

Langkah Kerajaan membenarkan perjudian dijalankan di negara ini adalah didasarkan kepada pengalaman yang dihadapi pada masa-masa yang lepas di mana perjudian memang wujud di negara ini secara haram dan keadaan seumpama ini berterusan sehingga hari ini. Perjudian seumpama ini sebagaimana termaklum adalah dijalankan secara sulit tetapi berleluasa di mana pihak berkuasa Polis tidak dapat menghapuskan dengan jayanya bahkan ianya telah membawa banyak keburukan kepada masyarakat kerana perjudian di bawah tanah. Sebagai langkah untuk mengawal kegiatan perjudian haram ini Kerajaan terpaksa membenarkan beberapa jenis perjudian dijalankan di negara ini dengan mengenakan beberapa syarat dalam kawalan. Peranan Kerajaan dalam mengawal

dan mengawasi kegiatan perjudian yang dibenarkan adalah sangat memuaskan kerana syarat-syarat yang dikenakan dalam lesen perjudian yang dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu adalah sangat ketat.

Adalah diperhatikan dari pengalaman tersebut bahawa andainya Kerajaan mengharamkan segala jenis perjudian, langkah seumpama ini tidak dapat menjamin bahawa perjudian akan terhapus di negara ini.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, perkara ini terserahlah kepada pihak yang berkenaan untuk menimbang apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### **SEMPADAN KAWASAN PILIHANRAYA—ULANGKAJI**

**40. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan satu usaha untuk mengulang-kaji persempadanan kawasan pilihanraya mengikut keperluan-keperluan Perlembagaan Persekutuan, sama ada beliau boleh memberikan satu jaminan bahawa kajian ini akan dijalankan dengan adil tanpa campurtangan politik dari parti yang memerintah dan yang boleh memberi makna kepada sistem satu undi satu pengundi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini Suruhanjaya Pilihanraya masih belum lagi menjalankan atau memulakan sebarang usaha untuk mengulang-kaji sempadan kawasan-kawasan pilihanraya. Sebaliknya apa yang dilakukan oleh Suruhanjaya sekarang ini ialah mengkaji dan menyemak kesesuaian daerah-daerah mengundi bagi kawasan-kawasan pilihanraya dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada pemilih-pemilih untuk membuang undi di dalam semua kawasan pilihanraya yang ada.

### **TUNJUK PERASAAN DI ALOR STAR**

**41. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab sebenar yang mencetuskan tunjuk

perasaan di Alor Star baru-baru ini; siapakah mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berkait dengan tunjuk perasaan tersebut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jawapan kepada bahagian pertama soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ketika menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 18-3-1980.

Jawapan kepada bahagian kedua soalan ini pula telahpun saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 18-3-1980.

Dengan itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### LEMBAGA PERSARAAN TERHADAP PEKERJA SWASTA

**42. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengadakan "Lembaga Persaraan" bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja swasta yang telah mencapai had umur bersara.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Kementerian saya, pada masa ini, tidak bercadang untuk menubuhkan "Lembaga Persaraan" bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja swasta yang telah mencapai umur bersara.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Kementerian saya pada masa ini sedang giat untuk memperkembangkan sekim-sekim yang ada untuk melindungi seberapa ramai pekerja yang boleh. Suatu lagi keutamaan PERKESO ialah untuk memperluaskan perlindungan Keselamatan Sosial kepada petani, nelayan dan mereka yang bekerja sendiri dan untuk meningkatkan lagi kadar faedah dan memperkenalkan faedah-faedah tambahan bagi mereka yang dilindungi oleh sekim itu.

Pekerja-pekerja di Sektor Swasta pada masa ini telahpun diberi faedah secukupnya di bawah Kumpulanwang Simpanan Pekerja dari segi faedah persaraan.

#### RUMAH-RUMAH UNTUK DIBINA DI PULAU PINANG

**43. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah-rumah yang dimatlamatkan akan dibina di Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan peratus matlamat yang dicapai setakat 31-12-1979.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Kementerian saya tidak menyimpan maklumat mengenai sasaran unit yang dicadangkan oleh pihak swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Makluman yang ada ialah mengenai bilangan unit yang dicadangkan dalam lesen pemaju yang diluluskan oleh Kementerian saya. Dengan itu bilangan unit yang dimatlamatkan untuk dibina di Negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah dianggarkan seperti yang berikut:

*Sektor Swasta ... ..	147,211 unit
Sektor Awam ... ..	14,741 unit

\*Bilangan unit di bawah sektor swasta tidak termasuk unit-unit rumah dibina oleh pemaju-pemaju yang tidak memerlukan lesen pemaju.

Pencapaian setakat 31hb Disember, 1979 untuk sektor swasta tidak dapat dikaji dan hanya Banci Perumahan yang akan diadakan oleh Jabatan Perangkaan tidak lama lagi dapat menjawab soalan tersebut. Pencapaian sektor awam setakat 31hb Disember, 1979 adalah 32.3% atau 4,766 unit daripada sasaran bilangan unit untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

#### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

##### Kenyataan Timbalan Perdana Menteri Mengenai Hukuman Mati

3.35 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, saya ingin hendak mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi maksud

merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, menurut Perintah Tetap 18 (2) memberi kebenaran kepada saya untuk meminta penangguhan Dewan ini untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu, tentang kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa istiadat meletakkan batu asas bagi Sekolah Menengah Tanah Merah berhampiran dengan Alor Star pada 30-3-80 bahawa ke semua orang yang telah digantung setakat ini kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) Perlu (Pindaan) 1975 di mana mereka didapati bersalah kerana memiliki senjata-pi dan membunuh dan juga niat Kerajaan untuk melanjutkan penggantungan baki tiga orang lagi, mungkin pada hari Jumaat ini, daripada jumlah 10 orang yang mana rayuan mereka untuk “clemency” telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan;

“Bahawa perkara ini hendaklah disegerakan oleh kerana kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah “misleading” kerana hanya dua daripada tujuh orang yang telah digantung setakat ini, iaitu Lim Woon Chong dan Ng Foo Nam, telah dituduh kerana memiliki senjata-pi secara haram dan membunuh. Yang baki lima orang itu, iaitu Lee Hong Tay, Khong Teng Khen, Ong Siang Hwa, Chuah Boon Heng dan Law Tim Wah *alias* Wah Chai hanya dituduh memiliki senjata-pi dan perluru secara haram;

“Bahawa kenyataan rasmi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan jelas membayangkan sikap Kerajaan yang mungkin berasas kepada satu “misconception” tentang kedudukan sebenar berkait dengan kriteria yang digunakan dalam membuat perakuan-perakuan kepada Lembaga Pengampunan. Terdapat satu laporan bahawa penggantungan Soon

Seng Sia Heng telah ditangguhkan kerana terdapat satu kesilapan taip. Pemangku Menteri Undang-undang Tan Sri Dato’ Abdul Kadir Yusof, telah mengakui di dalam Dewan Rakyat pada hari Selasa lepas bahawa keputusan untuk mendakwa budak sekolah berumur 14 tahun di Pulau Pinang pada tahun 1977 kerana memiliki senjata-pi dan peluru telah dibuat oleh pegawai-pegawainya dan kesilapan itu dibuat oleh pegawai-pegawainya tanpa merujuk kes tersebut kepada beliau kerana ketika itu beliau tidak berada di dalam negeri;

“Bahawa perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai kerana melibatkan penalti mati dan tidaklah harus wujudnya asas untuk mengsyaki bahawa seseorang itu akan hilang nyawanya kerana kesilapan;

“Bahawa gabungan International Commission of Jurists telah mengutuk penggantungan-penggantungan yang dijalankan di Malaysia dan gabungan tersebut telah pun mengutus kawat kepada Perdana Menteri, Dato’ Hussein Onn, supaya menunjukkan belas kasihan ke atas baki banduan-banduan yang dihukum mati;

“Bahawa Majlis Peguam juga telah merayu bagi pihak mereka yang “condemned” itu dan meminta supaya belas kasihan ditunjukkan kepada mereka. Pemangku Menteri Undang-undang telah bersetuju menyampaikan rayuan Majlis Peguam itu kepada Perdana Menteri yang juga menjadi salah seorang anggota Lembaga Pengampunan. Keluarga 15 orang yang “condemned” itu juga telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri supaya meminta beliau memperakukan “clemency”;

Bahawa tidaklah dalam kepentingan awam untuk meneruskan dengan penggantungan baki tiga orang yang mana rayuan mereka kepada Lembaga Pengampunan telah ditolak memandangkan kepada hakikat bahawa rayuan-rayuan yang dibuat oleh Gabungan International Commission of Jurists yang berpusat di Geneva yang mana gabungan tersebut ialah satu badan bebas yang dianggotai oleh peguam-peguam termasyhur yang berkempen untuk “rule of law” di seluruh dunia, rayuan Majlis Peguam serta juga rayuan yang dibuat oleh keluarga-keluarga orang-orang “condemned” itu. Semua

rayuan ini hendaklah ditimbang dengan teliti dan bersimpati sebelum sebarang tindakan lanjut diambil terhadap mereka yang menunggu di "Death Row" untuk menjalani penggantungan.

Memandangkan kepada sebab-sebab ini Dewan ini hendaklah menggesa Peguam Negara mengkaji kes-kes baki tiga orang yang menunggu untuk digantung dan di samping itu Dewan ini hendaklah memerintah pihak yang berkenaan supaya menangguhkan penggantungan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Tuan Karpal Singh telah menggunakan Peraturan Mesyuarat 18 ini iaitu untuk merundingkan sesuatu perkara yang tertentu berkenaan kepentingan orang ramai dan yang berkehendak disegerakan atas perkara yang sama sebanyak empat kali dalam mesyuarat ini.

Pada 21hb Mac, 1980 saya telah menolak usul Yang Berhormat itu kerana bukan sahaja usul itu tidak memenuhi syarat yang dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) bahkan Yang Berhormat itu hanya membuat satu kenyataan sahaja.

Pada 24hb Mac pula Ahli Yang Berhormat sekali lagi telah membawa perkara itu dan saya berpuashati atas syarat-syarat yang dikehendaki di bawah Peraturan itu dan membenarkan perkara tersebut dibahaskan tetapi Ahli Yang Berhormat itu gagal untuk mendapat sokongan 15 orang di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (b).

Pada 25hb juga, hari esoknya, Yang Berhormat mengulangi lagi dengan membawa perkara yang sama, perkataan demi perkataan sama dalam usul itu dan pada masa itu saya telah menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (3) yang berbunyi:

"Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbang semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal Majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu".

Oleh sebab Dewan pada hari sebelumnya iaitu pada 24hb Mac itu belum membahas dan belum membuat keputusan mengenai

perkara itu maka saya telah membenarkan, tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 18 (3). Pada hari itu 15 orang Ahli Yang Berhormat telah berdiri menyokong permintaan itu. Perbahasan telah dimulakan pada pukul 5.30 petang itu dan sebelum jam 6.30 petang Majlis atau Dewan ini telah mengambil keputusan menolak usul yang berkenaan.

Pada hari ini sekali lagi Ahli Yang Berhormat itu membawa usul atas perkara yang sama walaupun pada kali ini dilibatkan kenyataan yang kononnya dikeluarkan atau dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maka oleh kerana perkara ini telah diputuskan oleh Dewan ini dalam penggal Mesyuarat yang ada sekarang maka adalah salah pada Peraturan Mesyuarat 36 (3) untuk menimbang semula perkara tersebut. Ini bermakna usul ini ditolak.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ELEKTRIK (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Akta Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (31hb Mac, 1980)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang memberi jawapan kepada perbahasan atau hujah-hujah yang telah dikemukakan dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, Sila teruskan Yang Berhormat.

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah membayangkan kebimbangannya terhadap kemungkinan denda sebanyak \$100,000 itu dikenakan terhadap pengguna-pengguna kecil (domestic consumers). Sebenarnya denda sebanyak \$100,000 ini adalah kadar yang maksima. Mengikut prinsip undang-undang kita tidak boleh membezakan di antara seorang pengemis dengan seorang jutawan jika

disabitkan dengan kesalahan yang sama. Terpujalah kepada mahkamah untuk menentukan seberat mana hukuman yang patut dikenakan berasas kepada keadaan dan latar belakang sesuatu kes itu iaitu lebih besar kesalahan lebih berat hukumannya.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan bahawa di antara tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk megemaskini pentadbiran LLN supaya menjadi lebih cekap dan efficient.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Lembaga Pengarah LLN telah melaksanakan kuasa-kuasa yang telah diberi oleh Akta Elektrik 1949 dengan penuh tanggungjawab. Setahu saya tiada mana-mana pihakpun yang telah dianiaya atau ditindas oleh pihak pengurusan. Saya ingin memberi jaminan bahawa Jawatankuasa Tata tertib yang akan ditubuhkan di bawah pindaan ini akan menjalankan tanggungjawabnya mengikut lunas-lunas undang-undang negara serta prinsip-prinsip pengurusan yang dipandang baik, sihat serta adil.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah mencemuh pindaan ini sebagai tujuan untuk menindas pekerja-pekerja dan kakitangan LLN dengan menggunakan tektik-tektik ala gestapo dan katanya kakitangan di peringkat rendah akan menjadi mangsa pihak atasan dalam Lembaga Letrik Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kitab yang menjadi pegangan dan amalan LLN sepanjang ini tidak terdapat bab yang menunjukkan bahawa tektik-tektik ala gestapo ini telah dilakukan terhadap kakitangannya. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu adalah lebih arif tentang perkara ini kerana tektik gestapo ini mungkin menjadi salah satu bab dalam kitab yang menjadi pegangan dan amalan parti politiknya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan serampang dua mata pindaan ini ialah untuk melahirkan satu perkhidmatan yang cekap dan mengawasi pencurian tenaga elektrik secara lebih berkesan demi untuk kebaikan negara. Saya percaya jika perbuatan mencuri tenaga elektrik dapat dibendung bukan sahaja negara akan dapat keuntungan dari segi penambahan hasil tetapi juga pihak pengguna akan mendapat faedah kerana pencurian tenaga elektrik adalah merupakan salah satu sebab-sebab berlakunya gangguan bekalan elektrik. Di samping itu juga pihak orang ramai akan

dilindungi dari terdedah kepada sambungan-sambungan haram yang boleh mendatangkan mara-bahaya kepada mereka.

Pada akhirnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai soal projek-projek bekalan elektrik luar bandar, sukalah saya menyatakan bahawa saya telah mencatatkan segala yang telah disuarakan itu dan pihak Kementerian saya bersedia untuk memberi peruntukan tambahan semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat kelak pada kawasan-kawasan yang masih ketinggalan dari bagi mendapatkan bekalan elektrik.

Pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih dan isi kandungan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi keputusan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang

Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dibuat sekarang ialah untuk memenuhi enam tujuan:

*Pertama:*

untuk melaksanakan syor-syor Laporan Gaji Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet berkenaan faedah-faedah persaraan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

*Kedua:*

untuk mengadakan peruntukan-peruntukan baru supaya pembayaran pencen dan ganjaran bagi pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dapat dipercepatkan.

*Ketiga:*

untuk meluaskan takrif "rumah harga murah" dan membatalkan peruntukan yang membolehkan caruman ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dipotong bagi membayar baki pinjaman rumah harga murah apabila umur mereka mencapai 50 tahun.

*Keempat:*

untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan kepada Kerajaan dipotong daripada caruman KWSP mereka seperti yang telah diperuntukkan kepada Kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

*Kelima:*

untuk mengadakan peruntukan baru supaya Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh melantik suatu "Panel Pelaburan" dan

*Keenam:*

untuk mengemaskan peruntukan mengenai kutipan caruman-caruman tunggakan dari majikan yang didapati bersalah mengikut seksyen 16A (1) (c).

Tujuan pertama kepada pindaan yang saya sebutkan di atas adalah untuk meluas dan memperkemaskan takrif-takrif "approved fund" dan "new scheme" supaya selaras dengan Laporan Gaji Harun dan Laporan Gaji Kabinet yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Takrif "approved fund" diperluaskan supaya dapat dimasukkan Kumpulanwang Persaraan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan ke dalam takrif tersebut. Berikutan dengan Laporan Gaji Harun, Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan atau KPPBT telah ditubuhkan pada 1-11-75 untuk mentadbirkan faedah-faedah pencen bagi kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Walau bagaimanapun Akta untuk menubuhkan Kumpulanwang Persaraan ini dikuatkuasakan kebelakangan (restrospective) pada 1-5-69. Oleh itu untuk menyelaraskan kedudukan KPPBT sebagai Kumpulanwang Simpanan yang diluluskan maka pindaan kepada takrif "approved fund" hendaklah dikuatkuasakan mulai dari 1hb Mei, 1969.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa salah satu dari pindaan ke atas Ordinan KWSP pada tahun 1977 yang diluluskan di Dewan yang mulia ini ialah mengadakan satu takrif "new scheme" bagi kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih Sekim Laporan Gaji Harun. Dengan terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji-gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan yang melibatkan juga sektor Kerajaan, maka takrif "new scheme" perlulah diperluaskan supaya meliputi juga semakan-semakan gaji atau salary revision ini dan yang mungkin akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri pada masa-masa yang akan datang. Pindaan ini dicadangkan berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1977 iaitu tarikh Sekim Laporan Jawatankuasa Kabinet dilaksanakan.

Tujuan kedua pindaan KWSP ialah untuk menambah peruntukan baru iaitu seksyen 13B (1) dan 13B (2) kepada Ordinan KWSP. Tujuan seksyen 13B (1) diadakan ialah untuk mempercepatkan pembayaran ganjaran dan pencen kepada pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Melalui peruntukan ini, majikan pekerja-pekerja yang akan bersara boleh

memberitahu Lembaga KWSP supaya caruman majikan untuk pekerja itu diserahkan kepada Urusetia Kumpulanwang Persaraan. Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan, manakala untuk pekerja-pekerja Kerajaan penyerahan dibuat kepada Kumpulanwang Persekutuan yang disatukan (Federal Consolidated Fund). Dengan adanya peruntukan ini, caruman majikan boleh diasingkan dan caruman pekerja cepat dapat ditentukan untuk menyegerakan urusan pembayaran ganjaran dan pencen kepada pekerja berkenaan.

Seksyen 13B (2) pula bertujuan untuk mengadakan takrif "pensionable employee" bagi membedakan pekerja-pekerja sektor Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih faedah pencen dan pekerja yang memilih faedah Kumpulanwang Simpanan pekerja-pekerja swasta. Bagi pekerja-pekerja yang memilih faedah-faedah Kumpulanwang Simpanan, mereka boleh mengeluarkan jumlah caruman majikan dan caruman pekerja bersama-sama faedahnya sekali apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja yang memilih faedah-faedah pencen, mereka cuma boleh mengeluarkan caruman pekerja serta faedahnya sahaja, manakala caruman majikan berserta faedahnya diserahkan kepada Pihak-berkuasa yang mengeluarkan ganjaran dan pencen seperti yang saya jelaskan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketiga pindaan ini ialah untuk meluluskan takrif "rumah harga murah" dan membatalkan seksyen kecil (1A) kepada seksyen 13 Ordinan KWSP 1951. Takrif rumah harga murah yang ada sekarang hanya meliputi rumah-rumah harga murah yang dibina oleh syarikat-syarikat yang diluluskan oleh KWSP iaitu Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad. Oleh kerana jumlah rumah harga murah yang dibina oleh syarikat tersebut jikalau dibandingkan dengan keperluan adalah kecil, perlulah diperluaskan takrif ini supaya meliputi juga rumah-rumah yang dibina oleh Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Kerajaan. Sukacita saya menegaskan di sini bahawa ini ialah satu daripada usaha Kerajaan untuk memberi

peluang kepada lebih ramai pencarum-pencarum terutamanya mereka dari golongan yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah harga murah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai seksyen 13(1A) pula sukalah saya menjelaskan bahawa seksyen ini telah dimasukkan ke dalam Ordinan KWSP, semasa pindaan dalam tahun 1971. Saya mencadangkan supaya seksyen ini dibatalkan. Mengikut peruntukan 13(1A) sekarang, jika pencarum KWSP itu masih mempunyai baki pinjaman rumah harga rendah semasa pengeluaran caruman dibuat apabila mereka mencapai umur 50 tahun, KWSP berkuasa menahan semua wang itu atau sebahagian darinya untuk menyelesaikan baki pinjaman rumah harga rendah tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa pencarum KWSP selepas bersara nanti tidak akan menanggung beban hutang pinjaman perumahan yang mungkin sukar untuk dibayar balik. Bagaimanapun dalam tahun 1978, peruntukan ini telah dikaji semula dan didapati peruntukan ini tidak adil terhadap pencarum KWSP yang mengambil pinjaman rumah harga rendah, oleh sebab mereka yang bukan pencarum KWSP yang mengambil pinjaman yang sama dari Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) tidak dikehendaki membayar baki hutang mereka apabila mencapai umur 50 tahun. Dari segi keselamatan pinjaman kepada pencarum KWSP adalah terjamin kerana rumah itu telah menjadi cagaran pinjaman. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa pembatalan tersebut adalah adil dan saksama.

Seterusnya tujuan keempat pindaan KWSP ialah untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan dipotong daripada caruman KWSP mereka seperti yang telah diperuntukkan kepada Kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Ordinan KWSP yang dibuat pada tahun 1977 memperuntukkan bahawa apabila kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan berhenti kerja atau "cease being employed", majikan boleh menyelesaikan hutang dengan Kerajaan seperti Cukai Pendapatan, pinjaman perumahan, pinjaman

kenderaan atau terlebih bayaran oleh Kerajaan dengan cara dipotong dari jumlah caruman KWSP mereka. Keputusan ini bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan yang telah dikuatkuasakan ke atas kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih faedah-faedah pencen. Setelah dikaji dengan teliti adalah didapati bahawa peruntukan ini mungkin menggalakkan Ketua-ketua Jabatan/Badan-badan Berkanun tidak mengambil perhatian yang berat atas tanggungjawab mereka untuk menaga keselamatan hutang-hutang Kerajaan. Mereka boleh berpendapat bahawa Ordinan KWSP memperuntukkan jika si berhutang (debtor) tidak dapat membayar semula hutang-hutang mereka, Kerajaan berhak mengambil sebahagian caruman KWSP si berhutang untuk menjelas hutang-hutang tersebut. Ini menjadikan KWSP sebagai satu agensi penagih hutang Badan-badan tersebut. Walhal seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum objektif utama penubuhan KWSP ialah untuk menampung keperluan kewangan pekerja-pekerja semasa persaraan mereka. Bagaimanapun untuk menjaga kumpulanwang Kerajaan dan melindungi kepentingan pencarum-pencarum, satu peruntukan mestilah diadakan untuk mendapat balik pinjaman daripada piutang-piutang iaitu sebagai ikhtiar terakhir.

Oleh itu saya mencadangkan supaya tindakan Mahkamah perlulah diambil terlebih dahulu untuk menentukan sama ada hutang-hutang tersebut boleh dijelaskan dengan cara memotong caruman KWSP si berhutang ataupun tidak supaya dapat menyedarkan majikan-majikan bahawa bukanlah perkara mudah bagi mengeluarkan caruman KWSP untuk pembayaran hutang dan mereka mestilah berhati-hati menjaga keselamatan pinjaman daripada wang Kerajaan. Peruntukan ini sekarang dicadangkan diperluaskan kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, untuk menyamakan layanan peruntukan ini kepada semua pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tujuan kelima pindaan Ordinan KWSP bertujuan untuk meminda seksyen kecil 2 (a), 2 (b) dan 2 (c) kepada seksyen 4 dan mengadakan peruntukan baru iaitu seksyen 4B bagi membolehkan KWSP menubuhkan suatu Panel Penasihat Pelaburan kepada KWSP. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan 4 (2) (a) yang sedia ada cuma

membenarkan Lembaga KWSP menyimpan dalam Bank Negara Malaysia dan bank-bank yang dilesenkan di bawah Banking Ordinan, 1958. Simpanan ini adalah menandatangani hasil yang baik dan terjamin kerana bank-bank perdagangan adalah dikawal oleh Bank Negara Malaysia. Tetapi untuk memberi kelenturan (flexibility) kepada KWSP dan untuk mendapat keuntungan yang lebih perlulah KWSP dibenarkan menyimpan di dalam institusi-institusi kewangan yang lain dengan syarat mereka dilesenkan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri Kewangan. Mengenai pindaan seksyen 4 (2), ini perlu dibuat untuk mengemaskini peruntukan tersebut supaya selaras dengan semakan yang dibuat kepada Trustee Ordinance, 1949 di mana Ordinan ini telah diganti oleh Trustee Act, 1949 yang juga merangkumi Trustee Investment Act, 1965. Pindaan tersebut akan dapat meluaskan bidang pelaburan Lembaga dalam saham-saham amanah. Seterusnya seksyen 4 (2) (c) dipinda supaya Lembaga cuma melabur dalam saham-saham syarikat yang diluluskan sahaja. Ini dibuat untuk menjamin keselamatan pelaburan itu.

Berhubung dengan penubuhan Panel Pelaburan pula perlulah saya jelaskan bahawa peruntukan tersebut tidak terdapat dalam Ordinan KWSP, 1951. Panel ini adalah perlu untuk membolehkan KWSP membuat pelaburan yang mendatangkan keuntungan yang lebih dan terjamin. Tidakkah dinafikan bahawa sekarang tanpa adanya Panel Pelaburan ini KWSP masih mampu membuat pelaburan yang menguntungkan dan dengan keuntungan ini dapat membayar faedah sebanyak 7.25% kepada pencarum-pencarum. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tiap-tiap tahun KWSP membuat pelaburan yang besar jumlahnya. Sebagai contoh pada tahun 1978, KWSP telah membuat pelaburan sebanyak \$984 juta, yang mana 70% dilaburkan di dalam Sekuriti Kerajaan dan 30% lagi dalam pelaburan-pelaburan lain. Oleh itu dengan adanya Panel Penasihat Pelaburan ini yang mana nanti akan dianggotai oleh mereka yang berpengalaman luas dalam bidang kewangan dan perniagaan, sudah tentu pelaburan ini dapat dibuat dengan lebih berkesanan lagi dan menjamin pulangan yang lebih tinggi. Penubuhan Panel Pelaburan ini adalah sebagai satu langkah yang positif untuk memperbaiki lagi kepentingan pencarum-pencarum. Adalah diharapkan dengan pendapatan yang lebih dari pelaburan, KWSP berupaya membayar faedah

yang lebih tinggi lagi pada tahun-tahun ke hadapan ini. Panel Pelaburan dalam menjalankan tugasnya dikehendaki mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga KWSP dan diluluskan oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa. Bagi melengkapkan lagi penubuhan Panel Pelaburan yang saya terangkan tadi, jadual ke 7 perlulah dimasukkan ke dalam Ordinan KWSP. Jadual ini menerangkan dengan jelas mereka yang layak untuk dilantik ke dalam Panel tersebut.

Akhir sekali, pindaan KWSP ini bertujuan untuk memperkemaskan lagi seksyen kecil 4 kepada seksyen 16A Ordinan KWSP, 1951. Peruntukan sekarang adalah longgar dan menyukarkan KWSP memperoleh caruman tunggakan dari majikan-majikan yang bersalah di bawah seksyen 16A (1) Ordinan KWSP, 1951. Pindaan ini dibuat untuk membolehkan mendapat perintah Mahkamah, supaya pegawai KWSP dapat memungut caruman-caruman tunggakan dari majikan yang berkenaan. Jelasnya pindaan tersebut akan mendorong majikan-majikan mengambil perhatian yang berat ke atas kebaikan pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

4.17 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951. Pindaan yang dituturkan oleh Kementerian Kewangan pada hari ini di dalam Dewan bolehlah dianggapkan satu pembaharuan atau revolusi bidang kewangan dalam negara kita bagi hendak menolong orang-orang yang berpendapatan rendah. Bebab kalau kita kaji daripada laporan-laporan kedudukan perumahan dalam negara kita sebenarnya pihak Kerajaan masih lagi berhutang kepada orang ramai dengan

janji untuk pembinaan rumah murah terkebelakang, masih lagi tertinggal belum berbuat lebih daripada 50,000 buah unit rumah yang belum lagi, sepatutnya mengikut jangkanya telahpun siap tetapi 50,000 buah unit masih lagi belum berbuat. Dengan adanya pindaan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 ini yang dibentang pada hari ini adalah merupakan satu langkah yang boleh mengisi kelemahan dan kekurangan dari segi untuk orang-orang yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pindaan ini sangatlah jelas merupakan satu gerak yang dinamik dan sangat praktikal tetapi apa yang penting setelah pindaan ini diluluskan ialah masalah perlaksanaan. Perkara yang paling penting daripada segi perlaksanaan ialah sejauh mana pihak Kerajaan boleh dapat mengawal harga bahan-bahan binaan supaya jangan pindaan ini merupakan pula inflasi dalam kenaikan harga bahan-bahan binaan.

Kedua, dengan pindaan ini dengan banyak wang yang akan tercurah di dalam pasaran perumahan sejauh mana pula kualiti mutu rumah yang hendak dibeli oleh orang ramai terutama sekali daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Ketiga, peranan Kerajaan Negeri, Pentadbir Tempatan daripada segi perancangan untuk meluluskan projek-projek perumahan tersebut apabila kelulusan pindaan ini diberi pinjaman untuk rumah murah tetapi oleh sebab terlewatnya badan perancang di peringkat Kerajaan Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Bahagian Perancangnya, mana-mana juga Majlis-majlis Bandaran oleh sebab terlalu lewat untuk meluluskan projek-projek itu takut apabila rumah ini siap masih lagi orang-orang yang dapat pinjaman daripada kumpulanwang ini tidak cukup membayar harga rumah murah tersebut. Inilah tiga perkara yang paling penting pihak Kerajaan dan semua Kementerian terutama sekali Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memastikan dan menyelaraskan supaya sistem pembaharuan memberi pinjaman kepada pencarum-pencarum ini dapat berjalan dengan licin dan sungguh-sungguh menefaatkan rakyat jelata kita dan baharulah kita anggap Ordinan ini bermakna kepada masyarakat dan bermakna kepada orang ramai.

Perkara besar yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini juga dengan tersendirinya dapatlah pihak Kerajaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan terutama sekali di dalam Wilayah Persekutuan dan juga setinggan-setinggan di mana-mana juga bandar-bandar yang besar. Kalau kita kaji sebab-sebabnya berlaku setinggan ke sana ke mari ialah kerana orang-orang ini sudah naik jemu dan bosan membayar pendahuluan \$500 kepada perbadanan mengambil masa tujuh tahun suratnya dapat tidak berjaya, harga rumah melambung naik. Jadi, mereka ini hendak tinggal tidak ada tempat tinggal, ada duit hendak beli rumah tidak ada rumah. Jadi perkara kewangan satu cerita. Sekarang ini masalah yang dihadapi oleh orang ramai kerana tidak dapat hendak membeli rumah-rumah tersebut. Sebab itulah sekali lagi saya hendak mengingatkan jangannya Kementerian Kewangan sahaja yang berjalan terus-menerus, Kementerian Kewangan sahaja yang memikirkan program-program untuk menolong orang ramai tetapi badan-badan yang lain tidak selaras dengan pemikiran Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan membuat pindaan untuk hendak menolong orang ramai tetapi pemikiran Kementerian Kewangan ini tidak sesuai, tidak diterima, tidak difahami ataupun tidak selaras dengan badan-badan yang bertanggungjawab yang membina rumah-rumah tersebut.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada boleh atau tidak saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Kementerian Kewangan iaitu kuasa Kementerian Kewangan masalah investment panel ataupun panel pelaburan yang dibentuk ini sama ada panel ini mempunyai kuasa untuk melabur iaitu melabur dalam pembinaan-pembinaan rumah terus-menerus. Kalau tidak boleh dipinda balik ini supaya memberi peluang, supaya panel ini ada hubungan terus dengan badan-badan perumahan, boleh menolong mendapatkan rumah kepada pencarum ini.

Perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, tugas Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Pada hari ini saya percaya tidak ada satu badan yang tertentu, tidak ada satu negeri ataupun pihak-pihak agensi-agensi Kerajaan yang mengetahui berapakah jumlah pencaruman yang telah dibuat oleh pekerja-pekerjanya kepada pihak

Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini. Dalam perkara ini, dalam pindaan ini juga saya mengambil kesempatan mencadangkan supaya Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja-pekerja ini menyiapkan senarai-senarai jumlah wang pencarum yang telah dibayar oleh tiap-tiap negeri melalui sebagai majikan Kerajaan Persekutuan, sebagai majikan Kerajaan Negeri dan juga sebagai majikan badan-badan swasta. Ini amatlah penting supaya Kerajaan Negeri tersebut mengetahui berapakah jumlah yang boleh diambil untuk menolong membina rumah kepada orang-orang yang mencarum simpanannya di dalam negeri tersebut. Ini adalah penting daripada segi perlaksanaan, perancangan dalam tiap-tiap negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan, begitu juga kepada firma-firma yang hendak memberi pertolongan menolong pembinaan rumah-rumah murah kepada pencarum-pencarum ini. Dengan adanya demikian saya percaya perlaksanaan dapat berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini juga saya mencadangkan supaya peranan Perbadanan Kemajuan tiap-tiap negeri selain daripada mengambil berat masalah kemajuan perbadanan itu daripada segi penanaman modal, juga mulai daripada sekarang, tahun 80an ini menitikberatkan pembinaan rumah-rumah murah. Ini amatlah penting supaya pihak Kerajaan dengan tersendirinya dapat menghapuskan hutang-hutangnya kepada orang ramai sebagai janji untuk membina rumah murah yang pada hari ini masih lagi terhutang sebanyak lebih daripada 50,000 unit belum dibangunkan seperti yang telah tercatat di dalam Laporan-laporan Pembangunan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang paling penting dalam perubahan-perubahan seperti yang disebutkan dalam beberapa fasal di sini iaitu new scheme di dalam Fasal 7. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada boleh atau tidak saya ingin mencadangkan pencarum-pencarum pinjaman yang hendak diberi kepada pencarum-pencarum yang hendak membeli rumah ini juga, rumah-rumah itu hendaklah dibayarkan insuran supaya apabila berlaku sebarang kemalangan atau kematian kepada orang-orang yang meminjam dengan menggunakan pencaruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini, orang yang ditinggalkan itu memikul beban akan dibayar oleh insuran

dan begitu juga pihak Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang memberi pinjaman ini akan dibayar balik oleh insuran yang rumahnya itu telah dibayar oleh pihak pencarum ataupun yang diuruskannya sendiri oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Ini amatlah penting. Saya percaya banyak badan-badan perumahan-perumahan yang lain-lain dan juga kalau tidak silap saya salah satu daripada Kumpulanwang Simpanan Pekerja Keretapi Tanah Melayu apabila diberi pinjaman kepada pekerja-pekerjanya membuat rumah, menyuruh rumah yang hendak dibina itu dimasukkan bayaran insuran dan apabila pekerja itu meninggal dunia sebelum sempat dia membayar balik insuran mengambil tanggungjawab membayar balik kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja Keretapi. Ini kalau dapat diselaraskan di dalam pindaan ini, sukacitalah saya mencadangkan pada hari ini.

Masalah Fasal 4 untuk menubuhkan Panel Pelaburan. Saya juga berharap pelaburan yang ditetapkan itu menitikberatkan masalah yang memberi faedah kepada pencarum-pencarum dengan merupakan pelaburan ini berbentuk pinjaman juga diberi kepada badan-badan yang tertentu, terutama sekali kepada badan-badan kewangan yang sanggup memberi pinjaman untuk orang ramai membeli rumah murah dan bentuk pelaburan pinjaman ini hendaklah merupakan satu non-profit making organisation yang tidak banyak menitikberatkan profit motivation supaya pinjaman yang diberi kepada badan kewangan itu apabila badan kewangan ini menyalurkan pinjaman balik kepada orang ramai tidak mengenakan faedah yang tinggi—low interest rate. Ini paling penting kalaulah dapat difikirkan oleh Penal Pelaburan KWSP ini. Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lain saya nampak banyak seperti dalam Fasal 6 iaitu satu perkara yang baru yang mana memberi peluang kepada orang-orang yang telah dimasukkan dalam bahagian pencen juga mendapat pembayaran. Saya nampak seperti yang saya terangkan tadi apabila dibaca daripada segi pindaan ini bolehlah saya anggap satu pindaan yang amat penting dan amat berguna dan sesuai dalam keadaan negara kita yang sedang membangun sekarang.

Sekali lagi saya menegaskan ialah masalah pelaksanaan. Dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan pindaan ini

merupakan satu pembaharuan kepada pembangunan negara kita dan dia mestilah difahami oleh orang ramai dan saya mintalah pihak Kementerian Kewangan meluaskan maklumat ini untuk penerangan dan penjelasan supaya dapat difahami oleh rakyat jelata dan dalam perkara ini juga saya minta jasa baik segala mass media mengambil peranan yang penting untuk memberitahu dan menyampaikan maklumat ini kepada orang ramai dan dengan ini saya menyokong penuh Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980 ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*4.31 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan beberapa komen dengan secara ringkas terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Nampaknya Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah satu Rang Undang-undang yang baik tetapi sama ada Rang Undang-undang (Pindaan) ini dapat mencapai matlamatnya adalah bergantung kepada beberapa faktor yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin merujuk kepada Fasal 4 Rang Undang-undang ini yang menghendaki supaya ditubuhkan satu Panel Pelaburan yang bertujuan bagi mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan pelaburan harta Lembaga.

Oleh kerana objektif utama Panel Pelaburan ini ialah untuk mengendalikan hal-hal berhubung dengan pelaburan, adalah menjadi harapan saya bahawa Panel ini akan menyusun rancangan-rancangan yang bermakna yang boleh memastikan bahawa semua asset atau harta Lembaga akan dilaburkan di dalam projek-projek yang benar-benar memberi faedah kepada pencarum-pencarum, terutama mereka yang tidak memiliki rumah sendiri, sebagai contoh. Panel Pelaburan haruslah memastikan bahawa hanya pelaburan-pelaburan yang sehat (sound investment) saja yang mesti dilaksanakan.

Saya juga berpendapat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Setapak bahawa cara yang Panel Pelaburan ini boleh membantu untuk mencapai objektif ini ialah dengan melabur dalam pembangunan perumahan kos rendah dan berperanan sebagai pemaju perumahan untuk pembangunan tersebut.

Ini ialah satu bentuk pelaburan yang sungguh bermakna yang patut Kumpulanwang Simpanan Pekerja melibatkan diri.

Memandangkan bahawa perumahan menjadi satu masalah utama negara kita, terutama perumahan untuk golongan-golongan berpendapatan rendah, apa juga sumbangan yang diberi oleh pihak Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk menyelesaikan masalah ini tentulah akan dihargai sepenuhnya oleh golongan rakyat yang menjadi pencarum-pencarum EPF.

Oleh kerana itu, saya suka mencadangkan supaya Panel Pelaburan dapat membuat pelaburan dalam pembangunan perumahan kos rendah secara besar-besaran, dan dengan ini Kumpulanwang Simpanan Pekerja boleh menjadi satu pemaju dan membina rumah-rumah kos rendah untuk pencarum-pencarumnya.

Dengan cara ini, pihak Kumpulanwang Pekerja dapat dan boleh membuat sumbangan yang sungguh positif kepada industri perumahan dan di dalam proses ini berupaya membantu pencarum-pencarumnya mencapai konsep satu demokrasi pemilikan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan saya ini akan dipertimbangkan sebaik-baiknya dan menerima kelulusan oleh pihak Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk kepentingan semua pencarum-pencarum EPF.

Jika Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja bersedia untuk memasuki bidang perumahan, Kerajaan haruslah pula memberikannya insentif-insentif yang baik.

Saya mengetahui daripada Rang Undang-undang ini yang memperuntukkan di bawah Fasal 3 tentang pertaruhan wang oleh pihak K.W.S.P. ke dalam institusi-institusi kewangan yang diiktiraf dan dilesen oleh Menteri.

Inipun juga satu bentuk pelaburan. Saya ingin mencadangkan bahawa apa juga faedah-faedah yang diperolehi daripada pelaburan ini haruslah kembali untuk faedah pencarum-pencarum.

Faedah-faedah yang didapati daripada bentuk-bentuk pelaburan seumpama itu haruslah diberikan kepada pencarum-pencarum dalam bentuk memberi mereka kadar faedah yang lebih tinggi.

Pada masa sekarang, saya mendapati bahawa kadar faedah E.P.F. untuk caruman-caruman ialah lebih kurang 7.25 peratus. Memandangkan bahawa aktiviti-aktiviti pelaburannya kian berkembang pada masa akan datang kelak dengan penubuhan penal pelaburan itu saya suka mencadangkan bahawa Lembaga haruslah mengkaji cadangan untuk penyemakan semua kadar faedah E.P.F. dengan tujuan untuk menaikkannya.

Kalaulah ini boleh dilakukan, ianya akan menjadi satu pertolongan yang sungguh berfaedah kepada semua pencarum-pencarum E.P.F.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun K.W.S.P. ialah dirangka khusus sebagai satu institusi simpanan untuk pencarum-pencarumnya adalah menjadi harapan saya bahawa ianya juga akan membawakan lebih banyak faedah lagi untuk ahli-ahli diumur pertengahan.

Inilah yang dikehendaki memandangkan bahawa lebih banyak bentuk pelaburan yang akan dimasuki yang akan membawa lebih banyak faedah kepada ahli-ahlinya. Satu cadangan yang saya harap Lembaga K.W.S.P. boleh perhatikan ialah mengurangkan hak mengeluarkan caruman satu pertiga (one third contribution) dari segi umur 50 tahun dikurangkan kepada 45 tahun.

Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua pencarum-pencarum yang telah mencapai umur 45 tahun boleh mengeluarkan sebahagian wangnya lebih awal tanpa perlu mencapai umur 50 tahun, dan boleh dipergunakan wang itu bagi maksud atau tujuan yang produktif seperti memulakan perniagaan yang kecil ataupun dapat melaburkan wang itu di dalam usaha-usaha produktif yang lain.

Sesungguhnya, saya ingin mengesyorkan bahawa Kerajaan haruslah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk memeriksa dan

mengkaji lebih lanjut Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang ada sekarang dengan objektif untuk membawakan lebih banyak faedah lagi kepada pencarum-pencarumnya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya suka merujuk kepada Fasal 7 Rang Undang-undang ini yang menghendaki pindaan kepada seksyen 15 Ordinan tersebut dengan menambahkan satu proviso yang berbunyi:

*(Dengan izin)* "where there is a debt or claim from a member of the Fund who is or was/a serving officer of the Government of the Federation of/of a State or of a statutory or local authority . . . . . such debt or claim found to be due by The Court shall be recoverable from the total amount standing to the credit in the Fund of such member . . . . ."

Dalam perkara ini, saya ingin bertanya tentang logik peruntukan ini jika sekiranya dilaksanakan kelak, yang terang kepada saya bahawa ini boleh melemahkan objektif K.W.S.P. sebagai satu institusi simpanan.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa apa jua hutang atau tuntutan yang dibuat kepada Kerajaan oleh kakitangan yang menjadi ahli E.P.F. tidak boleh dituntut melalui proses undang-undang biasa tetapi dikehendaki dilunas daripada carumannya kepada Kumpulanwang itu. Itu ialah satu perkara yang tidak memahami logiknya dan saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sedikit penjelasan atas perkara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.45 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan amnya dan Kumpulanwang Simpanan Pekerja khasnya atas pindaan-pindaan ini yang saya percaya akan membawa faedah yang lebih besar lagi kepada pencarum-pencarum Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada pindaan seksyen 4 (2) berkenaan dengan Penal Pelaburan yang membuat peruntukan kelonggaran (flexibility) kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja dari segi pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan tujuan yang baik dan murni ini supaya Kumpulanwang Simpanan Pekerja dapat memperolehi keuntungan yang lebih besar daripada pelaburannya. Ini adalah sangat penting jika Kumpulanwang Simpanan Pekerja hendak mencapai kejayaan yang lebih besar lagi agar pencarumnya dapat menikmati satu kadar faedah yang lebih tinggi. Ini adalah seimbab, selaras dan selari dengan konsep penubuhan Kumpulanwang Simpanan Pekerja dahulu supaya memberi kebajikan kepada pencarum-pencarum semasa mereka mendapat persaraannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya mengucapkan tahniah kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja di atas usaha ini saya harap Penal Pelaburan yang akan ditubuhkan di bawah pindaan ini akan mengkaji secara mendalam supaya pelaburan yang dibuat dengan wang amanah ini tidak tinggi risikonya, perkara ini adalah penting dan tidak patut diketepikan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada K.W.S.P. ke atas Seksyen 2 (b) pindaan kepada Fasal Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951 dengan meluaskan tarif rumah murah kepada yang sedia ada supaya meliputi rumah-rumah murah yang didirikan oleh syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, selain daripada M.B.S.B. dan lain-lain institusi kewangan yang diluluskan.

Kerajaan telah meluaskan peluang bagi lebih ramai lagi rakyat jelata untuk memiliki rumah. Ini adalah selaras dengan keadaan pemilik-pemilik rumah yang bertambah. Sungguhpun saya telah menyuarakan sokongan saya terhadap perkara ini saya ingin mengawasi Kerajaan supaya menjaga atau mengawasi penyalahgunaan provisi ini bagi memastikan bahawa wang amanah rakyat selalu ada dalam keadaan yang terjaga.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kangar.

4.48 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, dan saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang ini akan dapat menolong dan membantu pekerja-pekerja yang mana wang-wangnya dapat dikumpul, dijadikan wang simpanan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan saya apa yang saya baca dan apa yang saya dengar yang telah dihuraikan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan ialah semua perkara-perkara ini akan membawa kebaikan kepada pencarum-pencarum iaitu pekerja-pekerja yang telah mencarumkan wangnya dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengesyorkan beberapa perkara untuk mengelakkan lagi supaya dapat memberi kebaikan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang akan mendapat caruman ini ialah pekerja-pekerja yang mencarum dalam EPF ataupun Kumpulanwang Simpanan Pekerja tetapi yang amat menyedihkan kita ada di antara pekerja-pekerja yang telah sekian lama bekerja, walaupun dalam Undang-undang ini telah menetapkan sesiapa di antara majikan-majikan yang tidak mencarumkan wang di samping pekerja sendiri mencarumkan wangnya, boleh didenda oleh pihak Kerajaan. Tetapi setahu saya masih banyak majikan-majikan yang melarikan diri daripada tanggungjawab tersebut kerana kita tahu tiap-tiap seorang pekerja selain daripada mengeluarkan wangnya sendiri maka pihak majikan juga terpaksa mengeluarkan setengah. Jadi ada di antara majikan-majikan yang melarikan diri daripada tanggungjawab tersebut.

Dengan sebab itu, saya sangat berharap supaya apa yang dirangka dalam Rang Undang-undang ini akan dapat kepada pekerja, tetapi yang dapat hanyalah kepada mereka yang telah mencarumkan wangnya. Wang caruman ini terbahagi kepada dua, satu daripada wang gaji pekerja sendiri dan yang kedua daripada wang majikan. Tetapi

kalaulah majikan tidak mencarum yang bererti wangnya tidak disimpan dari awal ataupun tidak disimpan langsung, bererti pekerja tadi tertindas ataupun teraniaya.

Untuk menyelaraskan dengan undang-undang yang begini baik, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menitikberatkan kalau ada majikan-majikan yang tidak mendaftarkan pekerja-pekerjanya di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau tidak mencarumkan wang dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Ini saya sangat berharap. Kalaulah didapati kekurangan pegawai, biarlah pihak Kerajaan mengatasi perkara ini dengan menambahkan pegawai, dengan memeriksa tempat-tempat yang sedang tumbuh banyak pelaburan, kilang dan sebagainya yang mana mengambil ramai pekerja-pekerja dan yang sedikit sekalipun hendaklah diberi caruman sebagaimana saya katakan tadi. Kalau tidak bererti undang-undang yang kita buat ini ada pekerja-pekerja yang patut dapat tetapi mereka tidak dapat kerana nama mereka tidak ada dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja sebab tidak diberi caruman oleh majikan tempat mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan ini juga oleh kerana Rang Undang-undang ini amatlah baik untuk Kumpulanwang Simpanan Pekerja, kalau tidak silap saya di masa yang lepas kita memotong wang untuk caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini 5% daripada pekerja dan juga 5% daripada majikan. Hari ini khabarnya telah dinaikkan, kalau saya tidak tahu boleh jadi ini menunjukkan kebodohan saya sendiri. Kalaulah benda ini tidak dinaikkan maka saya sangat berharap patutlah dinaikkan pada kadar yang berpatutan, kalau tidak sampai 10% pun, tambah 2% menjadi 7% iaitu 7% caruman daripada pihak pekerja sendiri dan daripada majikan pun 7% kerana di masa hadapan wang caruman ini amatlah perlu kepada pekerja-pekerja. Kalau di segi lain selalu kita dengar naik maka di segi ini juga patut dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Kementerian yang berkenaan kerana wang ini telah dilaburkan di berbagai-bagai badan dan agensi Kerajaan. Tetapi saya berpendapat hari ini kita dapati ramai orang yang bekerja kadang-kadang dari golongan orang yang ada wang bekerja atas wang dengan membeli

saham, melaburkan modal dan sebagainya, sebagaimana kata orang: wang mendatangkan wang.

Dengan sebab itu walaupun kita dapati ada di antara pekerja-pekerja ini bila ia meninggal dunia terpaksa wang itu dikembalikan balik walaupun belum meningkat umur 50 atau 55 tahun. Tetapi saya percaya manusia ini walaupun ada yang mati, lebih banyak yang hidup, banyak yang beranak daripada yang meninggal dunia. Sebab itulah dunia kita, negara kita kian hari kian bertambah penduduknya. Dengan itu penegasan cakap saya ialah ramai yang menyimpan wang dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini daripada yang meninggal dunia. Ini bererti wang simpanan pekerja ini amatlah banyak dan sebagaimana yang disyorkan oleh Menteri tadi boleh kita melaburkan dalam agensi Kerajaan yang diadakan pada hari ini. Tetapi saya berpendapat patutlah dicari berbagai-bagai pelaburan lagi, berbagai-bagai saham lagi atau apa sahaja yang difikirkan oleh Kerajaan benda itu menjamin Kerajaan yang mana kita tahu tiap-tiap perniagaan itu tentu ada untung dan rugi. Tetapi hari ini kita tahu ada saham-saham yang kita beli hari ini tidak berapa lama kita akan dapat keuntungan. Jadi saya sangat berharap selain daripada melabur di tempat-tempat yang memberi faedah dan keuntungan yang banyak, cubalah kita beli saham-saham yang kita yakin akan mendapat keuntungan, kita berilah juga kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja kerana daripada apa yang kita dapati majikan-majikan yang boleh hidup, yang boleh maju dan begitu juga badan-badan Kerajaan dan badan-badan berkanun, tidak lain dan tidak bukan adalah hasil daripada titik peluh pekerja-pekerja.

Dengan sebab itu saya sangat berharap wang simpanan mereka itu kita tolong carikan jalan, ikhtiarkan supaya wang mereka ini akan mendapat keuntungan yang berlipatganda lagi yang mana kita tahu hari ini pelaburan sedang meningkat, segala industri sedang meningkat yang bererti saham-saham juga sedang meningkat. Saya berharap apa yang difikirkan oleh Kerajaan yang mana kita tahu tempat ini adalah sebagai satu Kementerian yang mengeluarkan lesen-lesen untuk mencari kewangan dan sebagainya, utamakanlah kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Mengikut peraturan seseorang yang berumur 50 tahun barulah dapat mengeluarkan wang carumannya sebanyak 1/3, kalau tidak silap saya. Tetapi saya berpendapat kalau boleh selain daripada dapat memberi untuk perumahan kerana manusia ini banyak menghadapi masalah. Ada di antaranya yang tidak ada rumah, itu secara umum kerana kita tahu manusia ramai yang tidak ada rumah, tetapi masalah-masalah lain juga banyak dihadapi oleh manusia dan kadang-kadang untuk meningkatkan hidupnya dia memikirkan tanggungjawabnya terhadap anak-anaknya. Dengan sebab itu saya mengesyorkan selain daripada keputusan yang ditetapkan oleh Kerajaan membolehkan untuk mengeluarkan wang untuk membeli rumah, saya harap juga supaya Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini dapat memberi pinjaman mengikut kadar yang boleh dipinjam. Saya contohkan seperti satu badan insuran iaitu MCIS. Kalau kita sudah menjadi ahlinya, dengan sendirinya kita boleh mendapat pinjaman dengan tidak ada banyak peraturan kerana wang kita masih ada dalam simpanan MCIS dan dia potong mengikut had yang tertentu dan mengikut umur yang berkenaan. Jadi saya sangat berharap selain dari wang ini dapat dipinjam untuk membuat perumahan sebagaimana yang disyorkan dalam Rang Undang-undang ini, wang ini juga patut diberi pelbagai guna yang mana pada pendapat pihak yang meminjam dan pihak yang menyimpan wang benda ini akan memberi faedah kepadanya di masa itu dan juga di masa yang akan datang. Saya berharap janganlah dikhaskan kepada satu-satu benda sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat ber-setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Saya juga di masa yang lepas telah menyimpan wang dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja kerana di masa saya bekerja dahulu disyorkan mesti mencarum. Saya juga menyimpan dalam Tabung Haji, dipotong dari elaun atau gaji yang berpatutan. Tetapi yang mendukacitakan saya ialah Tabung Haji sampai ke hari ini menghantar Laporan Tahunannya pada tiap-tiap tahun tetapi Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini selepas daripada saya berhenti tidak pernah hantar pun. Kalaulah perkara ini berlaku ke atas diri saya, saya fikir boleh jadi manusia lain juga harus mengalami seperti apa yang telah berlaku

kepada diri saya sendiri. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat kerana wang ini juga banyak, supaya badan KWSP ini menghantar penyata tahunan pada tiap-tiap tahun sama ada diminta oleh penyimpan ataupun tidak diminta, macam mana dilakukan oleh Tabung Haji dan sebagainya hendaklah dilakukan kepada badan KWSP ini yang kita tahu wangnya lebih banyak daripada Tabung Haji kerana tiap-tiap persatuan atau tiap-tiap pekerja terpaksa mencarumkan wangnya kerana daripada dia mencarumkan wang dia, dia sendiri mendapat untung, tentulah dia mencarum. Walaupun pada sepintas lalu ada setengah orang rasa sayang hendak simpan tetapi apabila tiap-tiap orang yang mengkajikan tentu dia tahu daripada wang yang dia simpan dapat pula setengah daripada majikan. Ini tentu dia fikir, dia suka hendak mencarum. Dengan sebab itu saya kata sekali lagi wang ini saya yakin lebih banyak daripada wang Tabung Haji. Kalau Tabung Haji dapat menghantar laporannya walaupun kadang-kadang seorang itu cuma ada \$5 atau \$10 tetapi dia boleh hantar tiap-tiap tahun dengan kenyataan faedahnya sekali. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat kepada KWSP ini supaya menjalankan pentadbirannya dengan lebih giat lagi daripada apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya berharap sangat-sangat sebagaimana saya sebut tadi dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini telah berlaku di tempat saya sendiri. Kadang-kadang bila seorang hamba Allah sudah meninggal dunia, memakan masa dekat setahun barulah wang simpanan pekerja ini dapat dikeluarkan dengan berbagai red-tape kerana kenyataan tidak cukup dan sebagainya. Maka dengan sebab itu sebagai menguatkan alasan yang saya katakan tadi saya harap sangat-sangat penyata tahunan ini mestilah dihantar walaupun diminta atau tidak diminta oleh pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap sangat-sangat sebagaimana saya katakan tadi dan sebagaimana kita maklum salah satu yang boleh mengkayakan negara kita ialah pekerja. Waima pekerja dalam badan berkanun, pekerja dalam badan kebajikan dan berbagai-bagai lagi. Bahan-bahan

yang datang dari berbagai kilang dan berbagai-bagai pembinaan yang mana hasilnya ialah daripada pekerja, baik bekerja dengan Kerajaan Negeri yang tidak masuk dalam sekim berpcencen begitu juga di dalam majikan dan sebagainya. Atas timbangrasa kita kepada pihak berkenaan amatlah perlu kita mencari jalan mengawasi bagi mendapat mereka kedudukan yang baik, baik dari segi apapun yang berguna dan difikirkan membawa kebaikan kepada mereka khususnya yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti rumah dan sebagainya. Maka dengan adanya Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini saya berharap sangat-sangat apa-apa masalah yang selalu dihadapi oleh pekerja-pekerja seperti lambat mendapat itu dan ini, juga tiada rumah kerana kekurangan wang, dengan kelulusan wang ini pekerja-pekerja ini akan mendapat rumah yang mana selama ini mereka tiada rumah disebabkan pendapatan yang tidak begitu lumayan. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*5.03 ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Sebelum saya memasuki perbahasan atas satu Rang Undang-undang yang mustahak ini, kerana memandangkan peristiwa yang sangat menyedihkan berlaku pada semalam, saya perlu memberikan satu peringatan dan amaran kepada Yang Berhormat yang bertanggungjawab untuk menjawab serta membentangkan Rang Undang-undang yang berkenaan khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, iaitu bila sesuatu masalah atau pertanyaan-pertanyaan atau penjelasan yang dikemukakan perlulah dijawab. Janganlah hanya membulldozeikan satu Rang Undang-undang dengan menyalahgunakan majoriti kerusi yang ada di sini.

Apa yang berlaku semalam saya ada mengutarakan tiga main point nampaknya tidak dijawab kerana ini ada berkaitan dengan keseluruhan kepentingan Rang Undang-undang ini. Saya berharap nanti bila saya memasuki perbahasan ini masalah-masalah yang saya utarakan ini bolehlah dijawab, janganlah hanya mendiamkan diri untuk

menolak tanggungjawabnya atau hanya asyik membaca prepared textnya tanpa mengetahui apa yang dibahaskan di sini dan soalan-soalan dan masalah-masalah yang kita bangkitkan dalam Dewan ini di sini.

Saya harap amaran ini boleh diingati, saya tidak mahu dipaksa untuk mengambil satu tindakan yang sewajarnya terhadap seseorang Menteri atau Timbalan Menteri bila membentangkan satu Rang Undang-undang yang tidak menjawab masalah-masalah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan ini. Saya harap ini boleh diperhatikan nanti.

Tuan Speaker, saya akan menyentuh Fasal 4 dan Fasal 9 yang ada berkaitan dengan penubuhan Investment Panel. Perkara yang saya akan sentuh ialah mengenai dasar pelaburan yang akan dijalankan oleh Investment Panel yang akan ditubuhkan di bawah Fasal 4 dan juga kita boleh lihat, jikalau diteliti Fasal 9 secara mendalam, mengenai pembentukan dan kuasa-kuasa yang diberikan yang diamanahkan kepada Panel Pelaburan ini. Saya perlu menyentuh polisi investment KWSP ini ialah kerana saya dapati bahawa di dalam Rang Undang-undang ini skop dan aktiviti-aktiviti pelaburan yang diamanahkan kepada Investment Panel ini tidak disebutkan.

Saya perlu meminta satu penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan apakah aktiviti-aktiviti yang akan dimasuki oleh KWSP dalam segi pelaburan (investment) atau adakah hanya dari segi perumahan atau di bawah Seksyen ketiga, melabur wangnya, "in any other financial institution, duly licensed and approved by the Minister". Kalau inilah dasar pelaburan KWSP (EPF) nampaknya KWSP hanya menjadi sebuah badan orang tengah untuk mengeksploitasi kepentingan kaum pekerja untuk badan KWSP. Ini adalah melanggar prinsip, semangat dan tujuan utama penubuhan KWSP.

Tuan Speaker, dalam konteks ini saya perlu menyentuh bahawa dasar pelaburan (investment policy) KWSP perlu diubahsuai pada keseluruhannya kerana saya dapati dalam masa 29 tahun ini sejak Ordinan KWSP ini diwujudkan, saya jarang nampak KWSP bersungguh-sungguh ber-

usaha untuk menggunakan wang titikpeluh kaum pekerja untuk menanam modal di dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi baik di bidang perumahan, di bidang perindustrian atau dalam bidang pembelian saham-saham yang berkenaan.

Di sini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya selama ini apakah projek-projek pelaburan yang telah dijalankan oleh KWSP dengan menggunakan caruman-caruman wang yang berjuta-juta ringgit. Tadi Yang Berhormat telah memberitahu Dewan ini dari jumlah \$945 juta yang dilaburkan ini 70% ialah di dalam Government security, 30% di lain-lain tempat. Nampaknya dasar pelaburan ini adalah salah sama sekali kerana KWSP nampaknya merupakan sebuah syarikat Finance Company untuk menerima simpanan kaum pekerja kemudian pinjamkan kepada Kerajaan, mendapat bunga (interest), kemudian bayar balik interest kepada kaum pekerja dengan kadar yang tidak sewajarnya.

Di sini saya perlu memberi satu amaran kepada Lembaga KWSP bahawa dasar ini adalah bertentangan sama sekali dengan kepentingan kaum pekerja dari segi demokrasi perindustrian (industrial democracy). Sebenarnya KWSP boleh menggunakan wang-wang daripada kaum pekerja yang dibayar tiap-tiap bulan ini untuk mengadakan projek-projek perumahan. Sebenarnya kaum pekerja boleh membina rumah melalui bantuan KWSP. Kalaulah projek-projek perumahan boleh diadakan oleh kaum pekerja, mereka boleh menyertai bersama-sama dalam usaha pembinaan negara kita (nation-building).

Juga kalau KWSP boleh mengubah dasar pelaburannya maka kilang-kilang boleh ditubuhkan di mana pengurusan (management) boleh dikelolakan oleh kaum pekerja melalui wang kaum pekerja sendiri, hanya melalui panduan ataupun pimpinan KWSP. Nampaknya dasar pelaburan ini salah sekali. Salah sekali, Tuan Speaker, ini tidak akan membawa apa-apa keuntungan kepada kebajikan kaum pekerja khususnya dalam konteks untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan sosial ekonomi kaum pekerja. Kalau dengan dasar pelaburan ini, bolehkah Kerajaan memberitahu saya khasnya Menteri Kewangan bahawa caruman-caruman yang

berbilion-bilion ini boleh digunakan untuk mempertingkatkan taraf ekonomi dan sosial kaum pekerja di negara kita. Saya tidak mahu melihat lagi KWSP hanya sebagai ejen untuk mengeksploitasikan wang kaum pekerja dengan hanya membayar bunga-bunga yang tidak sewajarnya setiap tahun kepada pekerja-pekerja khususnya di bawah Seksyen 3 ini.

Saya yakin Investment Panel ini akan menanam modalnya di bidang yang berkenaan untuk mendapat bunga. Adakah ini dasar pelaburan yang menguntungkan kaum pekerja? Saya harap pindaan boleh diadakan. Satu dasar pelaburan yang bersemangat pro-pekerja ini boleh diadakan supaya KWSP boleh dijadikan sebuah badan yang boleh melindungi kebajikan dan kehidupan kaum pekerja sendiri kerana setiap sen yang ada pada KWSP sekarang ialah wang titik peluh daripada kaum pekerja, bukan daripada Kerajaan. Ini perlu kita ingatkan, maka KWSP perlu memainkan satu peranan yang dinamik, yang moden untuk mengubahsuai dasar pelaburannya supaya berbagai projek umpamanya projek perumahan, perindustrian, pembangunan tanah dan lain-lain boleh dijalankan oleh Investment Panel dengan penyertaan kaum pekerja sendiri dalam pengurusan perusahaan yang berkenaan.

Kalau kita tinjau lebih mendalam kita boleh dapati satu kelemahan yang sangat mentertawakan saya mengenai pembentukan Investment Panel. Kita boleh lihat Seksyen 4 (2), dengan izin:

“(2) x x x x x x x x

- (a) the Chairman of the Board who shall be the Chairman of the Investment Panel;
- (b) the Governor of Bank Negara or his representative;
- (c) a representative from the Treasury; and
- (d) two other members with business and financial experience appointed by the Minister.”

Tuan Speaker, adilkah atau tidak organisasi Investment Panel ini? Apakah sebabnya wakil Kesatuan Sekerja (MTUC) tidak dimasukkan di dalam Investment Panel ini? Apa lagi KWSP ini adalah menubuhkan satu

badan yang menjaga, bertanggungjawab mengawal, mengurus wang simpanan kaum pekerja tetapi wakil kaum pekerja tidak dilantik di dalam Investment Panel ini. Apakah sebab tidak mahu menyatakan dengan jelasnya? Umpamanya tambah (e) dua wakil daripada Kesatuan Sekerja Malaysia boleh dilantik untuk menjadi anggota Investment Panel supaya kepentingan kaum pekerja boleh diawasi, boleh dilindungi supaya Lembaga atau Investment Panel ini boleh dinasihatkan tentang projek-projek yang perlu dilaburkan atau dijalankan yang berasaskan kepada kepentingan kaum pekerja. Barulah nampaknya Investment Panel itu satu panel yang sempurna yang boleh mencerminkan aspirasi Kerajaan yang dikatakan mahu menjunjung tinggi kedudukan kaum pekerja khususnya mahu menggalakkan trade union movement.

Tetapi dari undang-undang ini kita boleh nampak Kerajaan langsung tidak memandang atau Kerajaan menghinakan adanya Kesatuan Sekerja untuk menyertai Investment Panel. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh meminda Fasal ini dan ditambah satu Fasal baru (e) supaya wakil-wakil dari MTUC atau wakil-wakil dari Kesatuan Sekerja boleh dijemput untuk menduduki Investment Panel ini, barulah saya kata itu satu Investment Panel yang lengkap. Dan Seksyen 4B (1) ini juga tidak lengkap:

“ . . . . investment of the assets of the Board which shall be subject to such directions issued by the Board and approved by the Minister from time to time.”

Tetapi apakah sebabnya Dewan yang mulia ini diketepikan? Sebenarnya perlu dibubuh koma (,) bahawa laporan tahunan pelaburan Investment Panel ini perlu dibentangkan di Dewan Rakyat dari masa ke semasa kerana Dewan Rakyat adalah bertanggungjawab dan berhak untuk mengetahui apakah aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh KWSP. Ianya tidak boleh dimonopoli hanya oleh Investment Panel tanpa pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, kerana Menteri Kewangan juga adalah bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat maka laporan pelaburan perlulah dibentangkan di Dewan ini. Saya harap

pindaan ini dibuat kerana masa yang suntuk saya tidak dapat membuat satu pemberitahuan secara bertulis mengenai pindaan ini dengan koma (,) bahawa laporan tahunan pelaburan ini bolehlah dibentangkan kepada Dewan Rakyat dari masa ke semasa. Ini adalah merupakan satu cadangan saya. Saya harap boleh diambil berat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Speaker, saya juga dapati kelemahan di bawah Jadual Ketujuh Baru dalam Fasal 9:

"A member of the Investment Panel shall vacate his office if he fails to attend three consecutive meetings of the Investment Panel without the permission in writing of the Chairman of the Investment Panel".

Yang lebih mustahak ialah peraturan yang ke 2:

"2. The Chairman and two other members of the Investment Panel shall form a quorum at any meeting of the Investment Panel."

Tuan Speaker, saya harap Fasal ini perlu dipinda dan diambil berat oleh Kementerian Kewangan. Tujuan saya membangkitkan dan menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang Fasal ini ialah kerana Panel ini hanya terdiri daripada beberapa orang sahaja. Kalaulah quorannya ialah tiga orang yang lainnya boleh absent dari menghadiri mesyuarat serupa ada satu syarat yang dikenakan tetapi syarat-syarat ini sangat-sangat merbahaya dan tidak menjamin apa yang akan berlaku dalam mesyuarat Investment Panel itu.

Maka saya berharap Timbalan Menteri Kewangan boleh mengubah dan meminda peraturan yang ke 2 ini:-

"2. Jika seseorang Ahli Panel Pelaburan tidak menghadiri mesyuarat lebih satu kali maka ianya akan dilucutkan jawatannya dalam Panel ini".

Dan juga quoram ini kalau termasuk wakil Kesatuan Sekerja sekurang-kurangnya perlu enam orang kerana mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Investment Panel ini adalah sangat mustahak kerana mereka akan membincang dan memutuskan sesuatu projek yang akan dilaburkan sungguhpun approval akan dibuat oleh Menteri sendiri.

Tetapi kalau kita ada kecuaiian untuk check bagi mencegah sesuatu perkara berlaku di dalam Investment Panel ini mungkin kepentingan kaum pekerja tidak akan terjamin. Ini dari segi keselamatan pelaburan baik untuk KWSP ataupun untuk kaum pekerja yang menjadi pencaurum.

Tuan Speaker, inilah cadangan dan pandangan-pandangan saya, saya harap boleh diambil berat dan juga nanti boleh dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh lagi mengenai beberapa perkara kecil walaupun kecil tetapi perlulah menarik perhatian Kementerian Kewangan khasnya dalam konteks KWSP. Yang pertama, saya dapati bahawa rumah-rumah awam yang akan ditajakan oleh KWSP baik melalui MBSB atau badan-badan berkanun atau yang berkenaan ini tidak hanya menghadkan kepada satu badan yang diluluskan oleh Kerajaan. Kalau Kerajaan mahu menjayakan projek-projek rancangan rumah awam kos rendah ini, maka sektor swasta perlu digalakkan untuk menolong Kerajaan mengadakan lebih banyak projek-projek rumah awam dengan melalui satu pindaan yang baharu supaya wang dari KWSP ini bolehlah diperuntukkan kepada pemaju-pemaju swasta yang mengadakan projek rumah awam kos rendah ini. Mungkin cara ini akan memberi insentif kepada private sector untuk memperbanyakkan projek-projek rancangan rumah awam kos rendah. Saya harap cadangan ini boleh juga dipertimbangkan dengan sewajarnya, kerana kalaulah hanya menghadkan atau menentukan satu dua badan sahaja ini tidak akan menguntungkan kaum pekerja, ini adalah dari segi pinjaman terhadap projek-projek rumah awam kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembelian rumah awam yang melalui MBSB atau KWSP itu, saya harap Kerajaan atau KWSP boleh mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja bila membeli rumah, mereka kekurangan wang untuk melengkapkan rumah-rumah mereka maka satu peruntukan perlulah diadakan untuk membolehkan tiap-tiap pembeli rumah di bawah skim KWSP ini untuk meminjam wang tidak lebih daripada \$2,000 pada tiap-tiap pembeli supaya mereka boleh dengan wang itu untuk membeli perabut-perabut yang diperlukan. Jangan hanya membeli rumah tetapi kerusi-meja pun tidak ada; alat

perkakas yang asas ini yang perlu dipakai tiap-tiap hari di rumahnya pun tidak ada. Saya harap dari segi kebajikan (welfare) kaum pekerja ini, maka saya harap KWSP atau Kementerian Kewangan boleh menimbangkan peruntukan tidak melebihi \$2,000 ini sebagai pinjaman kepada setiap pembeli rumah di bawah skim yang dikatakan KWSP.

Saya juga dapati bahawa faedah atau kadar caruman yang dibayar oleh kaum majikan dan kaum pekerja ini perlu ditinjau semula. Kadarnya kalau dibandingkan dengan negara jiran kita Malaysia masih jauh kebelakang. Untuk menjamin dan melindungi kaum pekerja khususnya pekerja yang bergaji rendah ini maka satu sistem atau formula untuk mengira kadar caruman ini perlulah diadakan supaya kadar yang ada sekarang boleh diganti dan juga faedah yang dibayar oleh KWSP kepada kaum pekerja ini perlulah ditinggikan, nampaknya faedah yang dibayar ini adalah masih rendah kalau dibandingkan dengan syarikat-syarikat kewangan swasta yang ada sekarang. Adalah tidak adil Kerajaan mengeksploitasikan keadaan ini dengan membayar satu faedah atau bunga yang rendah daripada harga pasaran kepada kaum pekerja sebagai pencarumnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya perlu meminta Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menimbangkan satu rayuan dari kakitangan Kerajaan kerana pelaksanaan Laporan Tangga Gaji Kabinet, kalau mereka tidak lagi menjadi ahli KWSP maka saya harap wang-wang yang berkenaan bolehlah dipulangkan kepada mereka supaya mereka boleh menggunakan wang itu untuk menjalankan perniagaan mereka sendiri atau untuk tujuan mereka boleh ditetapkan.

Mengenai kecekapan pentadbiran KWSP di Ibu pejabat saya perlu sentuh. Saya pernah mengalami beberapa kes, mungkin pentadbiran KWSP adalah diuruskan dan dijalankan oleh komputer, maka banyak surat-surat daripada pencarum baik majikan atau pekerja bila mengingatkan KWSP ini apabila wang sudah dibayar, notis dihantar lagi. Sungguhpun kita cuba menjelaskan mengenai keadaan yang sebenarnya, bila dijelaskan sekali lagi notis tuntutan bayaran atau summons dihantar lagi. Apakah sudah berlaku? Saya sendiri ada melayani beberapa kes yang saya sendiri menulis surat untuk menarik perhatian Pengurus Besar KWSP

tetapi setiap kali saya menjelaskan kedudukan sebenarnya notis masih lagi dihantar. Nampaknya KWSP seolah-olah tidak melayani surat itu dengan menyemak fail-fail, mereka hanya bergantung 100% kepada komputer. Saya harap kelemahan ini bolehlah diambil perhatian yang berat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinta.**

*5.18 ptg.*

**Tuan Yang Choong Fu (Kinta):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan (Pekerja Pindaan) yang sedang dibahaskan dalam Dewan ini. Di samping menyokong Rang Undang-undang ini sukalah saya memberi sedikit pendapat dan cadangan saya atas perkara ini.

Pertama sekali saya ingin merayu kepada Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menimbangkan kemungkinan bagi menambahkan bilangan Inspektor KWSP, maksud saya ialah supaya pihak majikan yang mana belum mengetahui atau belum mencarum kepada KWSP hendaklah diberi nasihat supaya setiap pekerja yang layak menjadi ahli KWSP haruslah diberi peluang ini supaya dapat dilindungi oleh KWSP pada masa mereka bersara daripada pekerjaan. Di antara mereka yang belum menjadi ahli mungkin ini berpunca daripada yang tidak memahami kelayakan mereka dan ada juga yang enggan memasuki KWSP. Oleh yang demikian, jika bilangan Inspektor KWSP ditambah maka diharap bahawa mereka dapat berhubung dengan majikan-majikan seluruh negara kita supaya kita dapat meliputi semua golongan pekerja yang layak menjadi ahli tetapi belum mendaftarkan.

Kedua, saya juga menasihatkan pihak yang berkenaan supaya undang-undang diadakan untuk mendenda majikan-majikan yang mengelakkan caruman KWSP. Untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya hukuman yang berat dikenakan atas orang-orang yang lari daripada mencarum kepada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuan KWSP adalah untuk membela dan memberi

perlindungan kepada pekerja-pekerja yang akan bersara daripada pekerjaan aktif atau pada masa yang mereka tidak sihat lagi untuk mencari nafkah hidupnya. Jadi boleh dikatakan KWSP adalah satu harapan atau perlindungan bagi setiap rakyat pada waktu mereka bersara tetapi malangnya kita seringkali mendengar berita bahawa wang pencaruman yang berjumlah berjuta-juta ringgit telah tidak dituntut dan dibiarkan begitu sahaja. Jika kedudukan ini adalah betul, tidak syak lagi bahawa berpuluh-puluh pencarum akan tertipu kerana pencaruman mereka tidak dipulangkan kepada mereka hinggalah berjuta-juta ringgit tidak dituntut oleh pencarum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya tidak silap ini mungkin berpunca daripada sistem atau pentadbiran mengenai bayaran balik kepada pencarum-pencarum yang tidak cergas dan kelam-kabut. Untuk makluman Dewan ini, sehingga hari ini sejumlah \$6½ juta telah tidak dituntut dan jika sekiranya kedudukan ini diteruskan saya percaya perkara ini akan bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa pihak yang berkenaan dapat meneliti masalah ini secara mendalam untuk kebaikan mereka yang telah mencarum tetapi belum dipulangkan caruman-carumannya. Ini mungkin dapat diatasi dengan tertubuhnya satu yunit yang dikhaskan untuk menjaga alamat-alamat atau tempat tinggal pencarum yang terbaharu atau sebagainya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh di Dewan yang mulia ini ialah pelaburan wang KWSP. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi mula-mula wang KWSP cuma dibenar dilaburkan dalam Kerajaan dan pihak berkuasa berkanun sahaja walaupun cara pelaburan ini cuma memberi faedah yang rendah tetapi selamat dan terjamin tetapi dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, Penal Pelaburan KWSP akan diberi kuasa untuk menambahkan modal KWSP dalam berbagai-bagai pelaburan yang ia memikirkan perlu dan sangat memberi faedah kepada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menasihatkan pihak berkenaan supaya berjaga-jaga dalam usaha mereka untuk melaburkan wang KWSP oleh kerana kesilapan mereka boleh menyebabkan KWSP termasuk sebarang kedudukan yang merugikan dan tidak stabil yang mungkin dipakai sebagai satu menasabah untuk semua pencarum-pencarum keluarkan wangnya. Oleh yang demikian saya berharap Penal Pelaburan KWSP akan berwaspada dalam setiap usaha dan perniagaan yang dipercayai akan memberi faedah lambat yang lumayan tetapi merbahaya.

Dengan itu saya sekali lagi menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.35 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini. Di samping saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan, sukacita saya menyentuh satu dua perkara berkenaan dengan faedah pencarum.

Seseorang pekerja Kerajaan di peringkat permulaannya dikenakan potongan KWSP dan dapat sumbangan daripada pihak Kerajaan sebagai majikan, oleh itu di dalam kira-kira KWSP pekerja tersebut adalah jumlah wang mereka sendiri bercampur dengan wang sumbangan Kerajaan. Jika wang mereka sebagai contoh \$100 setelah dicampur dengan faedahnya dan wang sumbangan dari pihak Kerajaan sebagai majikan \$100 dengan faedahnya maka dalam jumlah kira-kira KWSP seorang pekerja Kerajaan itu adalah \$200. Apabila mereka mendapat hak bersara tidaklah pekerja tersebut dikenakan lagi potongan KWSP dan sumbangan daripada pihak Kerajaan pun terhenti. Apabila pekerja itu bersara kerana genap umurnya 55 tahun pekerja itu hanya mendapat wang daripada KWSP itu hanya \$100 sahaja, iaitu wangnya sendiri dan wang sumbangan daripada Kerajaan atas nama majikan itu ditarik balik oleh Kerajaan kerana al-sannya pekerja tersebut mendapat bersara. Sepatutnya diberi peluang

kepada pekerja itu supaya sumbangan daripada Kerajaan tadi terus diberikan kepada mereka walaupun mereka mendapat hak bersara kerana wang caruman mereka dari asal tersebut tidak dapat dikeluarkan sehingga mereka bersara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan kaum pekerja cukup sedar bahawa tujuan pihak KWSP ini ditubuhkan ialah untuk faedah masa tua pekerja itu sendiri tetapi kita sukacita jika Lembaga ini dapat mencari jalan supaya pencarum KWSP ini boleh mendapat faedah lebih awal daripada masa mereka bersara ataupun mereka dapat merasa nikmat-nikmat daripada kekayaan negara hasil dari sumbangan mereka ke dalam KWSP ini sebelum mereka berumur 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam pindaan ini ada keterangan-keterangan yang menunjukkan pekerja-pekerja yang mencarum ke dalam KWSP ini mendapat beberapa faedah sebelum mereka bersara tetapi faedah-faedah tersebut tidaklah berapa jelas jika dikaji dengan teliti. Oleh sebab itu adalah baik jika sekiranya pekerja-pekerja ini mendapat peluang pinjaman daripada KWSP dalam menjalankan peluang-peluang hidup mereka ataupun untuk faedah-faedah pelajaran anak-anak mereka dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.39 ptg.

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka dalam perbincangan Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980 dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga memberi cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang agak berguna dan menarik perhatian. Saya tidak bercadang untuk menjawab semua teguran-teguran yang telah dibangkitkan dalam perbincangan Rang Undang-undang ini satu demi satu, akan tetapi saya rasa beberapa cadangan dan ulasan juga perlulah diberi penjelasan atau penerangan yang lengkap.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang Seksyen 13 (IA), saya ingin memberi jaminan bahawa proviso ini adalah diadakan untuk menjaga wang Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan supaya dapat mengutip balik wang Kerajaan yang dikeluarkan sebagai pinjaman.

Mengenai tentang kadar faedah supaya dinaikkan pula, Kerajaan sentiasa mengkaji kadarnya dari masa ke semasa. Kadar yang diumumkan pula adalah berdasarkan kepada faedah yang diperolehi daripada pelaburan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh tentang peruntukan yang membenarkan wang Kumpulanwang Simpanan Pekerja dilaburkan dengan institusi-institusi kewangan. Saya tidak boleh bersetuju bahawa pelaburan yang seumpama ini mempunyai risiko yang tinggi. Ini adalah kerana Kementerian saya akan mengkaji secara mendalam sebelum sesuatu pelaburan dapat diluluskan.

Satu lagi cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar adalah berkenaan dengan KWSP melabur dalam perusahaan perumahan. Ini adalah satu cadangan umum dari Yang Berhormat dan adalah selaras dengan tujuan pindaan yang sedang dibentangkan yang antara lain bertujuan untuk menubuhkan suatu panel pelaburan bagi KWSP. Tujuan bagi menubuhkan panel pelaburan ini adalah untuk mencari jalan bagaimana memperbaiki pulangan wang KWSP yang terjamin bagi pelaburan KWSP. Jika bidang kemajuan perumahan boleh dikatakan sebagai salah satu jalan untuk membawa lebih pulangan, saya tidak syak bahawa panel pelaburan yang akan ditubuhkan ini akan menimbangkan hal ini dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang pada peringkat ini mengumumkan apa jenis pelaburan yang akan dilakukan oleh panel pelaburan. Saya akan serahkan ini kepada panel pelaburan untuk melakukan apa yang ia memikirkan baik sekali untuk KWSP yang melabur untuk kebaikan pencarum-pencarum KWSP.

Menyentuh tentang hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta pula, di dalam Ordinan KWSP, 1951 sudah ada peruntukan-peruntukan untuk

mendenda majikan-majikan yang mengelakan caruman kepada KWSP. Pada keseluruhannya peringkat pematuhan oleh majikan-majikan sehingga ini adalah memuaskan. Dengan yang demikian pihak Kementerian saya dan juga Lembaga KWSP berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan yang ada sekarang sudah memadai.

Berkenaan cadangan menambah bilangan Inspektor KWSP, saya sukalah memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Kinta dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa hal ini memanglah dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan KWSP. Oleh yang demikian saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat yang cadangan ini adalah diberi perhatian oleh Lembaga KWSP dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan wang masih tidak dituntut, saya rasa tidak perlu Ahli Yang Berhormat merasa bimbang sangat kerana ini adalah perkara biasa yang berlaku di mana-mana institusi kewangan seperti KWSP. Perkara ini sedang diambil tindakan oleh KWSP untuk mengesan Ahli-ahli yang masih tidak menuntut. Wang yang tidak dituntut ini saya sukalah memberitahu Ahli Yang Berhormat tidaklah dibiar begitu sahaja bahkan ianya dilaburkan dan termasuk dalam pelaburan KWSP yang pada hari ini berjumlah \$8.1 billion. Oleh yang demikian tidak ada kerugian kepada ahli-ahli yang berkenaan apabila mereka tampil menuntut wang mereka.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas nasihat mereka supaya panel pelaburan apabila ditubuhkan kelak berwaspada dan berjaga dalam melaburkan wang KWSP. Saya beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, nasihat ini akan sentiasa dipatuhi oleh panel tersebut kerana wang KWSP ini adalah wang amanah yang perlu dijaga dengan sewajarnya.

Berkaitan dengan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Setapak, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat di atas ingatan beliau supaya pindaan ke atas Ordinan Kumpulan-wang Simpanan Pekerja 1951 tidak tinggal sebagai pindaan sahaja disebabkan kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan. Saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian

saya akan sentiasa mengawasi pelaksanaannya supaya tujuan-tujuan pindaan yang dibentangkan pada hari ini tercapai.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat supaya pinjaman kepada institusi-institusi kewangan tidak dikira profit motif ataupun tujuan keuntungan, Saya rasa ini tidak sejajar dengan tujuan KWSP kerana ini akan merugikan pencarum-pencarum. Yang Berhormat dari Setapak juga berharap satu senarai pencarum negeri-negeri dan insurans di atas rumah dari pinjaman. Di bawah skim pinjaman perumahan KWSP, perkara ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mungkin tersilap tentang status KWSP sebagai trustee kepada wang-wang pekerja. Sebagai badan amanah KWSP adalah mempunyai tanggungjawab yang berat kepada ahli-ahlinya supaya wang mereka tidak dilaburkan kepada pelaburan-pelaburan yang merugikan.

Saya suka menjelaskan iaitu pelaburan KWSP sudah pun ditetapkan oleh undang-undang mengikut Fasal 4 Ordinan KWSP, 1951. Tujuan utama penubuhan Panel Pelaburan ialah untuk mengkaji pelaburan 30% ke dalam pelaburan-pelaburan lain supaya mendatangkan kadar faedah yang lebih tinggi. Sebagai amanah wang pekerja-pekerja pelaburan ini mestilah dibuat dengan penuh teliti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan utama KWSP ditubuhkan ialah untuk menentukan perbelanjaan di masa persaraan seorang pekerja itu. Untuk ini KWSP mestilah mengawasi dan menentukan pulangan yang tetap dan terjamin. Oleh itu KWSP mestilah memperbagaikan pelaburan ke dalam beberapa lapangan bagi menjaga keselamatan pelaburan itu. Sekiranya pelaburan itu dibuat dengan sewenang-wenangnya seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, mungkin pelaburan itu menanggung kerugian.

Mengenai ahli panel pelaburan, seperti saya terangkan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada mereka yang pakar dalam hal ehwal pelaburan. Sekiranya terdapat kalangan pekerja yang pakar dalam bidang ini mereka boleh dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, bagitulah penjelasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang

Berhormat dan yang mana belum dijawab oleh saya dalam Dewan ini akan diambil perhatian dan tindakan akan diambil atas perkara-perkara itu jika didapati wajar.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.52 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dibacakan kali yang kedua sekarang. Rang Undang-undang ini bertujuan memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (1) Pelaburan wang Tabung dalam sesuatu enterprais melebihi 30% daripada modal dibayar.
- (2) Penubuhan skim faedah kematian dan hilangupaya.
- (3) Memperbaiki peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan perjalan dan pembubaran perbadanan-perbadanan di bawah Tabung Angkatan Tentera.
- (4) Peraturan-peraturan yang perlu dibuat berkaitan dengan skim faedah kematian dan hilangupaya.

(5) Caruman wajib oleh semua askar-askar tanpa mengira tarikh pendaftaran masing-masing dan kenaikan kadar caruman oleh Kerajaan dari 10% kepada 15% gaji bulan askar-laskar.

(6) Membolehkan askar-laskar yang dikurniakan pencen tiada upaya mendapat caruman sumbangan Kerajaan jika ia tidak layak mendapat pencen perkhidmatan; dan

(7) Beberapa perkara lain untuk memperkemaskan pentadbiran Tabung.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera telah diwujudkan dalam tahun 1972 dengan kelulusan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Tujuan dan fungsi Tabung ini adalah untuk membolehkan askar-laskar yang tidak layak mendapat pencen mendapat faedah-faedah persaraan dengan menyertai skim simpanan wang yang diuruskan oleh Tabung ini. Dalam Skim ini askar-laskar yang didaftarkan pada atau selepas 1hb Ogos, 1972 diwajibkan mencarum 10% daripada gaji bulanan mereka kepada Tabung dan Kerajaan pula akan menyumbangkan satu amaun yang sama. Tabung akan membayar dividen ke atas caruman-caruman itu tiap-tiap tahun. Sejak wujudnya Tabung ini beberapa perkembangan telah berlaku yang mana memerlukan pindaan kepada Akta Tabung Angkatan Tentera. Di samping itu kekurangan-kekurangan yang didapati dalam Akta berkenaan semasa pelaksanaan perlu dibetulkan juga demi kepentingan dan kebajikan askar-laskar.

Peruntukan seksyen 15 (1) (c) sekarang menghadkan pelaburan dalam enterprais-enterprais tidak melebihi 30% daripada modal dibayar sesuatu enterprais itu. Pindaan kepada seksyen 15 (1) (c) akan membolehkan Tabung melabur melebihi had tersebut dengan kelulusan Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan. Pindaan ini akan memberikan Lembaga Tabung lebih flexibility dalam pelaburan-pelaburannya yang didapati sesuai.

Satu skim baru bernama skim faedah kematian dan hilangupaya akan diwujudkan di bawah Akta ini. Skim ini memberi sumbangan wang kepada keluarga atau pencarum sendiri yang mendapat kemalangan menyebabkan penamatan perkhidmatannya kerana hilang upaya atau kematian. Skim ini akan dibiayai daripada keuntungan pelaburan yang dijalankan oleh Tabung.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, bayaran-bayaran yang dibuat dari skim ini tidak akan menjejaskan kelayakan seseorang askar di bawah Peraturan-peraturan Pencen bagi angkatan tentera. Akta Tabung Angkatan Tentera juga adalah dipinda untuk menetapkan cara perbadanan-perbadanan diwujudkan iaitu dengan kelulusan Menteri Pertahanan dan persetujuan Menteri Kewangan dan dengan perintah yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan. Pindaan ini juga menetapkan sumber kewangan bagi penubuhan perbadanan, peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pengurusan, kawalan dan pembubaran perbadanan telah juga dikemaskan.

Syor-syor Laporan Jawatankuasa Kabinet telah dilaksanakan bagi Angkatan Tentera pada 1hb Oktober 1977. Laporan tersebut telah mengesyorkan supaya semua askar-laskar tanpa mengira tarikh pendaftaran mereka diwajibkan mencarum 10% gaji bulanan mereka kepada Tabung Angkatan Tentera mulai daripada 1hb Oktober 1977 dan Kerajaan juga menaikkan kadar carumannya daripada 10% kepada 15% gaji bulanan askar-laskar mulai daripada tarikh yang sama. Oleh itu, Akta Tabung Angkatan Tentera harus dipinda supaya peruntukan-peruntukannya adalah setimpal dengan syor-syor Laporan tersebut.

Peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera sekarang tidak membenarkan bayaran caruman sumbangan Kerajaan kepada seseorang askar yang telah dikurniakan pencen tiada upaya sungguhpun ia tiada mencukupi 21 tahun perkhidmatan untuk mendapat pencen perkhidmatan. Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan supaya askar-laskar yang telah dikurniakan pencen tiada upaya akan layak mendapat caruman Kerajaan selagi mereka tidak mencukupi 21 tahun perkhidmatan untuk mendapat pencen perkhidmatan. Pindaan ini dilakukan kerana Kerajaan menghargai perkhidmatan askar-laskar yang telah hilang upaya akibat tugas-tugas mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pertahanan, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

*6.01 ptg.*

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan bahawa Akta Tabung Angkatan Tentera tahun 1973 ini hendak dipinda dengan berbagai-bagai cara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kedudukan Angkatan Tentera di negara kita khususnya memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan negara apatah lagi di saat-saat keadaan keselamatan yang wujud di rantau ini pada hari ini maka sudah sewajarnya setiap perkara yang ada kaitan atau hubungan dengan keselamatan, kebajikan, masa depan dan faedah-faedah mereka itu hendaklah disetimpalkan juga dengan beban dan tanggungjawab yang mereka pikul.

Saya mengalu-alukan bahawa caruman bagi pihak Kerajaan sesuai dengan syor atau cadangan CCR Jawatankuasa Penyemakan Gaji Kabinet telah dinaikkan daripada 10% bagi pihak Kerajaan kepada 15%, bahkan pada himat saya pada masa-masa akan datang sepertimana saya sebut awal-awal tadi sudah sampai masanya sesuai dengan tugas-tugas dan peranan yang kita bebankan ke atas angkatan bersenjata kita itu, kita patut menimbang caruman pihak majikan iaitu pihak Kerajaan ditambahkan lagi daripada 15% yang agak lebih tinggi lagi daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan demikian kerana kalau hendak dikira 15% ataupun kalau kita naikkan 20% umpamanya selepas ini daripada jumlah gaji yang diterima oleh mereka itu maka amaun kewangan yang dilibatkan itu tidak seberapa sangat kalau hendak dibandingkan dengan tugas yang mereka jalankan dan apatah lagi kalau kita memikirkan bahawa tidak semua

daripada mereka itu berpeluang untuk berkhidmat selama 21 tahun yang mana selepas daripada itu mereka berpeluang untuk menikmati faedah-faedah pencen biasa kepada seorang anggota tentera atau askar-askar. Dan dengan hal yang demikian sudah tentu apabila berlaku sesuatu perkara umpamanya kematian ataupun tidak upaya bagi pihak anggota Angkatan Tentera kita itu maka sudah tentu kita memerlukan kewangan yang menasabah untuk diberikan sama ada kepada orang-orang yang terlibat atau tentera-tentera itu sendiri ataupun kalau sekiranya mereka sudah tidak ada lagi, kepada keluarga mereka yang masih hidup yang memerlukan seberapa banyak bantuan daripada pihak Kerajaan.

Perkara yang kedua saya ingin mengalukan mengenai Rang Undang-undang pindaan ini iaitu mengenai membolehkan pelaburan tabung ini dinaikkan daripada 30% kepada satu angka atau amaun yang lebih tinggi iaitu sepertimana disebut dalam Fasal 15 (1) (c).

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya dalam sebarang perniagaan kalau benar-benar kita hendakkan perniagaan itu berkesan maka sudah tentu kita hendaklah mempunyai satu kuasa penentu, kadangkala kuasa penentu tidak dapat dicapai melalui 30%. Walaupun saya tidak dapat menafikan seringkali melalui penyertaan ekuiti sebanyak 30%, mungkin kuasa penentu terdapat kepada pemegang-pemegang saham yang mempunyai 30%. Tetapi tidak semestinya 30% ini akan menjamin kuasa penentu bagi sesuatu pihak yang memegang saham itu. Jadi saya ingin mengalukan bahawa 30% ini perlu dinaikkan dan saya mengesyorkan di sini supaya Tabung ini hendaklah melihat kepada satu tangga atau satu taraf di mana sekurang-kurangnya dapat dilaburkan 51% di dalam sebarang syarikat yang hendak disertai oleh Tabung yang tersebut.

Perkara yang ketiga, saya ingin mengalukan iaitu mengenai satu perkara baru kalau tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebut mengenai faedah kematian ataupun hilang upaya. Jadi saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada penyertaan Tabung Amanah ini yang agak berlebihan daripada 30% asalnya kalau lebih sudah tentu ianya akan membawa kepada keuntungan yang lebih banyak

dan hasil daripada keuntungan ini kalau betul saya difahamkan bahawa sebahagiannya akan dijadikan faedah-faedah kematian atau hilang upaya kepada anggota-anggota tentera kita sewaktu mereka masih bertugas sebagai anggota Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita mengharapkan hanya keuntungan-keuntungan yang kita dapati melalui hasil pelaburan modal yang dibuat oleh Tabung ini di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan maka rasa saya elok juga pihak Tabung ini memikirkan bahan-bahan ataupun sumber-sumber lain untuk menambahkan kepada keuntungan yang tersebut supaya sekurang-kurangnya askar-askar tersebut dapat menikmati faedah yang lebih sesuai dengan perkhidmatan mereka walaupun mereka berkhidmat tidak begitu lama dan mungkin juga kalau kita hendak mengharapkan kepada faedah keuntungan daripada pelabur-pelabur itu sahaja mungkin tidak mencukupi. Jadi dengan itu saya ingin mencadangkan supaya dicari lagi dan ditambah dari sumber-sumber lain. Misalnya mungkin melalui caruman tambahan yang saya cadangkan awal tadi daripada 15% umpamanya kepada 20% daripada saham Kerajaan mungkin 1% atau 2% daripadanya dapat dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam bahagian faedah-faedah yang hendak diberikan kepada faedah kematian dan hilang punca untuk dicampurkan dengan faedah-faedah yang didapati melalui keuntungan atau faedah-faedah pelaburan yang dibuat oleh Tabung ini sendiri. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut benarlah selain daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pertahanan setakat hari ini dan selain daripada apa yang dipohonkan oleh Kementerian Pertahanan daripada Dewan yang mulia pada petang ini maka hendaklah juga pihak Kementerian Pertahanan saya harapkan dari semasa ke semasa memikirkan bagaimanakah caranya untuk lebih mengurangkan lagi beban yang dirasakan oleh anggota Angkatan Tentera kita yang terpaksa menderita akibat daripada

mereka menyabung nyawa dan raga mereka sendiri untuk mempertahankan negara ini dan juga untuk mengurangkan lagi beban di masa depan yang tidak begitu terang atau tidak begitu gemilang yang mungkin dirasai atau dilalui oleh anak-anak mereka akibat daripada bapa mereka tercedera ataupun terkorban terus di dalam sesuatu tugas yang telah dijalankan untuk negara.

Selain daripada perkara-perkara yang tersebut di dalam Akta ini dan juga dalam pindaan yang telah dipohonkan oleh Kementerian ini, jadi dengan ini saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.10 ptg.

**Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Pertahanan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Walaupun ia merupakan seorang sahaja Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan tetapi saya percaya apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sendirinya menggambarkan betapa titikberatnya Ahli Yang Berhormat itu khasnya dan juga daripada parti Yang Berhormat iaitu UMNO terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota tentera kita.

Saya tidak ada banyak hendak mengulas perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi tetapi hanya ada beberapa perkara yang ingin saya jelaskan sedikit di sini untuk menerangkan lagi langkah-langkah yang sedang dibuat melalui Tabung Angkatan Tentera ini dalam usaha untuk membantu meringankan bebanan yang mungkin dipikul oleh anggota-anggota tentera kita. Atas sokongan Yang Berhormat itu saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Yang Berhormat ada menyebut tentang usaha patut ditingkatkan untuk mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh anggota-anggota tentera kita, malah pindaan ini khususnya dengan mewujudkan satu skim baru untuk membolehkan pembayaran

kerana kematian dan hilang-upaya daripada kewangan Tabung ini sendiri adalah salah satu lagi usaha pertambahan kepada langkah-langkah yang terdapat dalam skim perkhidmatan Angkatan Tentera sekarang ini.

Berkaitan dengan pelaburan, dari segi corak pelaburan yang dijalankan oleh Tabung Angkatan Tentera sekarang ini juga ianya sendiri merupakan satu usaha mencari jalan untuk membantu anggota-anggota tentera yang menjadi ahli kepada Tabung ini. Sebagai contoh, apabila Tabung ini memilih pelaburannya, ianya juga terdapat pelaburan dalam badan-badan yang merupakan perkhidmatan, umpamanya pelaburan Tabung dalam bank dengan sendirinya membolehkan bank yang berkenaan dalam mana pihak Tabung Angkatan Tentera ini mempunyai pelaburan, mewujudkan satu perkhidmatan untuk ahli-ahlinya sendiri di samping membalikkan semula sebarang keuntungan daripada bank itu kepada ahli-ahli yang menggunakan perkhidmatan bank yang berkenaan.

Begitu juga dalam pelaburan yang merupakan satu badan perusahaan, umpamanya dengan Tabung sendiri melibatkan dirinya di dalam pelaburan badan-badan perusahaan seperti ini yang membolehkan beberapa anggota tentera juga berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada yang lain hendak menambah cuma hendak mengucapkan berbilang terima kasih sekali lagi atas sokongan kuat yang diberi oleh Yang Berhormat itu serta pandangan-pandangan lain supaya Kerajaan meningkatkan usaha untuk membantu bebanan yang dihadapi oleh anggota tentera kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya ialah Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 12* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG FILEM WAYANG GAMBAR (PENAPISAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 dan bagi memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi sedikit sebanyak penjelasan berhubung dengan Undang-undang yang tersebut ini, suka saya menyatakan adalah menjadi hasrat Kerajaan bagi memperbaiki mutu kawalan dan mengubah-suaikan jentera pentadbiran mengenai penapisan filem-filem wayang gambar dan lain-lain tayangan untuk tuntunan pihak orang ramai ataupun umum.

Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 adalah Undang-undang yang telah berkuatkuasa semenjak tahun 1952 lagi. Akta itu dipinda dalam tahun 1954 bagi mengawal filem-filem wayang yang ditayangkan kepada umum. Kemudian dalam tahun 1974 pula Akta ini telah dipinda lagi untuk melaksanakan syor-syor Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang telah ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dihadapi dalam perkara penapisan filem.

Tuan Yang di-Pertua, dunia filem telahpun berkembang dengan pesatnya di dalam beberapa tahun yang ke belakang ini. Selain

daripada wayang gambar yang ditayangkan di panggung-panggung untuk tuntunan bagi pihak umum, filem-filem juga dapat ditayangkan menerusi televisyen. Penayangan wayang-wayang melalui televisyen adalah satu perkembangan yang sedang meluas pada masa ini. Dan di akhir-akhir ini dengan perkembangan teknologi yang pesat wayang-wayang dapat ditayangkan melalui pita-pita video yang ditayangkan melalui peti-peti televisyen juga. Tayangan-tayangan ini adalah termasuk rancangan yang berupa hiburan dan juga comedy dan juga filem-filem cerika (feature films) yang bersiri dan yang datang daripada luar negeri. Dan ada terdapat filem-filem cerika ini yang ditayangkan melalui pita-pita video merupakan cerita yang sama sebagaimana yang ditayangkan kepada umum di panggung-panggung wayang. Maka jelaslah dengan perkembangan baru ini seseorang yang mempunyai alat penayang dan juga pita-pita video dapat menuntun rancangan-rancangan yang digemarinya itu di rumahnya sendiri.

Juga dengan adanya kemudahan yang diperolehi daripada pita video ini timbullah trend sepertimana di hotel-hotel juga di kelab-kelab malam ataupun di kedai-kedai kopi (coffee house) bagi menyediakan perkhidmatan menayang wayang dari pita-pita video untuk pelanggan-pelanggan ataupun ahli-ahli kelab ataupun persatuan yang berkenaan selain daripada kedai yang menjual pita-pita video dan juga televisyen. Pihak Kerajaan percaya perkhidmatan seumpama ini akan bertambah meluas lagi memandangkan bahawa popularnya hiburan-hiburan menerusi pita video pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan sekarang ini dikenakan ke atas filem-filem yang ditayangkan kepada umum sama ada di panggung-panggung ataupun tayangan-tayangan melalui radio dan TV Malaysia. Tayangan-tayangan seumpama ini adalah disifatkan sebagai public viewing bagi maksud Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952. Penayangan wayang dengan menggunakan pita video melalui peti televisyen di tempat-tempat awam seperti penayangan filem-filem kepada orang ramai di kedai atau di tempat-tempat yang disebut di atas tadi perlulah dikawal kerana ia boleh dianggap sebagai penayangan umum atau public viewing bagi maksud Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 itu. Maka dengan

itu untuk membolehkan Kerajaan mengawal dan mengawasi tayangan filem kepada umum yang menggunakan pita-pita video melalui peti televisyen, Kerajaan berpendapat Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 itu perlulah dipinda bagi meluaskan takrif perkataan filem di seksyen 2 dalam Akta tersebut supaya meliputi video-video ataupun video tape. Dengan takrif pita video dalam takrif filem, maka Kerajaan boleh mengadakan pengawasan terhadap pengimportan dan tayangan-tayangan umum pita video melalui peti-peti televisyen seperti juga pengawasan ke atas filem-filem wayang gambar yang telah diadakan itu.

Selain daripada itu hukuman-hukuman yang diperuntukan oleh Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 bagi kesalahan-kesalahan di bawahnya sekarang ini adalah terlalu rendah dan tidaklah setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu. Maka secara umum hukuman-hukuman denda dicadangkan dinaikkan daripada \$1,000 kepada \$10,000 dan daripada \$500 kepada \$2,000 bergantung kepada betapa seriusnya sesuatu kesalahan itu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah terdapat di Seksyen-seksyen 5(2), 6(3), 8(5), 9A(3), 14(3), 24 dan juga 26A(2).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) 1952 ini telah digubal mengikut keadaan masa itu di mana bilangan filem yang ditapis adalah kecil dan masalahnya pun tidak begitu banyak. Tetapi pada masa sekarang ini yang mana sudah hampir 30 tahun lamanya maka keadaan telahpun berubah dengan banyak, jumlah filem-filem telahpun meningkat iaitu dalam tahun 1967 umpamanya didapati sebanyak 18,450 filem dan dalam tahun 1979 didapati sebanyak 27,715 filem dan masalah penapisan dengan itu telahpun bertambah. Dengan hal yang demikian, kebanyakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta tahun 1952 ini tidaklah lagi sesuai dan Kerajaan bercadang untuk memindanya supaya sesuai dengan keadaan sekarang terutama di dalam pentadbiran.

Dalam undang-undang yang ada sekarang ini hanya Pengerusi seorang sahaja yang boleh menandatangani sijil-sijil ataupun certificate bagi filem-filem yang boleh diluluskan bagi tayangan umum. Dalam Akta yang ada sekarang ini juga tidak ada peruntukan yang membenarkan tuan-tuan punya bahan publisiti (publicity materials) yang telah diharamkan oleh Lembaga Penapis Filem untuk membuat rayuan terhadap keputusan Lembaga itu. Kerajaan berpendapat tuan-tuan punya bahan-bahan publisiti itu patutlah diberi peluang untuk membuat rayuan kepada Jawatankuasa apabila mereka tidak puashati dengan keputusan Lembaga Penapis Filem itu. Peruntukan ini adalah seperti mana yang dicadangkan di dalam Seksyen 12A dan juga Seksyen 12A (2).

Selain daripada itu Seksyen 16(1) perlu juga dipinda iaitu bagi menyelaraskan kuasa mengegedah. Dengan kuasa-kuasa mengegedah yang terdapat di dalam undang-undang yang lain. Pindaan-pindaan ini dicadang ialah bagi menyelaraskan dan memperkemaskan cara-cara pihak berkuasa mengegedah atau memeriksa premis-premis atau tempat-tempat yang berkenaan berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini. Dan mengikut peruntukan-peruntukan yang ada, Ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan (Committee of Appeal) hanya boleh dilantik bagi tempoh setahun sahaja dan tiap-tiap perlantikan akan berakhir pada 31hb Disember dalam tahun yang sama. Peruntukan ini adalah didapati tidak sesuai dan sukar dari segi pentadbiran dan menimbulkan masalah oleh kerana semua perlantikan akan tamat pada penghujung tahun yang sama. Dengan itu Kerajaan berpendapat bahawa pindaan-pindaan perlu dibuat kepada Seksyen 18(2) bagi membolehkan Jawatankuasa Rayuan dilantik bagi satu tempoh yang lebih sesuai tetapi tidaklah melebihi dari tiga tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 hari esok, Rabu 2.4.80.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*